

Sedia peruntukan terbesar untuk Islam

2

4 juta pengguna dapat manfaat air percuma

4

10 juta terima e-tunai RM100

6

Dana RM8.9 juta bantu pesawah

6

# selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI KHAS SATU

www.selangorkini.my

## Terus jualan murah demi bantu rakyat

MUKA 6



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengiringi Dato' Seri Amirudin Shari (calon Sungai Tua), Datuk Megat Zulkarnain Oмарdin (Gombak Setia) dan Juwairiya Zulkifli (Hulu Kelang) ke pusat penamaan di Sungai Pusu, Gombak pada 29 Julai 2023. Turut sama, Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Hajiji Noor dan barisan pemimpin Kerajaan Perpaduan. Foto FIKRI YUSOF ▶ LAGI FOTO MUKA 12&13

**Kemakmuran dan kestabilan untuk rakyat**

Senarai 56 calon dan foto sekitar pilihan raya negeri

9-16



**436 masjid didaftar, RM180 juta maju sekolah agama**

Jumlah ini buktikan Kerajaan Negeri sentiasa bela Islam

7&8



**KDNK tertinggi, hasil negeri dan rizab bertambah**

Siri pertama laporan pencapaian Selangor 2018-2023

17&18





## MB, EXCO serah kenderaan rasmi

**SHAH ALAM** - Barisan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri menyerahkan kenderaan rasmi yang digunakan sepanjang penggal di perkarangan bangunan pentadbiran negeri pada 28 Julai.

Serahan kereta Toyota Camry kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Haris Kasim dimulakan Dato' Menteri Besar dan kepemimpinan termasuk Speaker Dewan Negeri Selangor Ng Suee Lim.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan penyerahan berkenaan bagi mengelak tanggapan negatif meski tidak menyalahi undang-undang sekali gus menunjukkan tadbir urus yang baik.

"Jadi, kita serahkan kereta rasmi ini. Mungkin kadang-kala kita boleh gunakan untuk majlis rasmi. Ini dapat menjaga integriti dan jaminan tatakelola yang baik," katanya.

Penyerahan dibuat sehari sebelum hari penamaan calon sempena pilihan raya negeri (PRN) Selangor dan lima negeri lain manakala hari mengundi pula pada 12 Ogos.

## HARAPAN ampuh hadapi cabaran

**GOMBAK** - Pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan (HARAPAN) Selangor terbukti ampuh ketika berdepan beberapa insiden luar jangka seperti pandemik Covid-19 dan bah besar.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata kejayaan itu bukti pentadbiran negeri sedia ada mampu mengharungi ujian getir dan terus membela rakyat.

"Untuk kempen dua minggu ini sebenarnya kita hanya meneruskan kesinambungan dengan pencapaian yang digembeleng sebelum ini. Kita berdepan ujian Covid-19, pandemik, banjir dan masalah ekonomi.

"Kita berjaya tangannya. Ini semua bukti nyata bahawa kita bukan buat tawaran kosong semata, tapi semua bukti nyata," katanya yang juga pengerusi HARAPAN Selangor pada 29 Julai.

"Rakyat secara jelas nampak bagaimana kepemimpinan dalam tempoh lima tahun ini maju dan membangun," katanya.

IMBAS DI SINI  
akhbar digital minggu lepas



# Peruntukan terbesar untuk Islam

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor menyediakan peruntukan paling besar bagi membantu perkembangan agama Islam menerusi agihan kek ekonomi negeri.

Dato' Menteri Besar berkata selain jaring masjid dan surau, Kerajaan Negeri turut memberi tumpuan kepada sekolah agama, maahad tahfiz serta sekolah lain.

"Kita ada lebih 8,000 guru Kelas

al-Quran dan Fardu Ain (Kafa), Kafa Integrasi (Kafa-i) dan Kerajaan Negeri sentiasa jaga kebajikan guru dan sekolah agama selaras keperluan semasa," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 24 Julai.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri membelanjakan sehingga RM2 bilion sejak 2018 menerusi pelbagai insentif, elaun, bantuan khas serta caruman kepada sektor pendidikan dan institusi dakwah termasuk sekolah agama,

masjid dan surau.

Selain itu, Amirudin berkata Selangor juga mengambil pendekatan mendalami karya warisan Islam dengan menjalankan penterjemahan dan penerbitan buku.

"Kita terjemah lebih 50 naskah buku dalam bahasa Arab, bahasa Inggeris, bahasa Jerman dan bahasa lain ke bahasa Melayu. Ia termasuk karya Imam al-Ghazali serta beberapa tokoh lain," katanya.

## 25 lagi tiga penjuror di Selangor

# Pertembungan dua penjuror 26 kerusi

Oleh **HAFIZAN TAIB**

**SHAH ALAM** - Penamaan calon dalam pilihan raya negeri (PRN) Selangor pada 29 Julai menyaksikan persaingan dua penjuror antara gabungan Pakatan Harapan-Barisan Nasional dengan Perikatan Nasional di 26 kerusi.

Persaingan tiga penjuror pula di 25 kerusi, antara dua gabungan besar itu dengan Parti Sosialis Malaysia, Ikatan Demokratik Malaysia, Parti Rakyat Malaysia, Parti Utama Rakyat atau Bebas.

Daripada 56 kerusi Dewan Undangan Negeri yang dipertandingkan hanya lima kerusi menyaksikan persaingan empat penjuror.

Senarai lengkap persaingan dua hingga empat penjuror seperti berikut:

### Dua penjuror

- Sungai Air Tawar
- Sabak
- Sungai Panjang
- Sekinchan
- Hulu Bernam
- Batang Kali
- Sungai Burong

### Tiga penjuror

- Ijok
- Kuang
- Taman Templer
- Sungai Tua
- Gombak Setia
- Bukit Antarabangsa
- Dusun Tua
- Kajang

- Permatang
- Bukit Melawati
- Jeram
- Rawang
- Hulu Kelang
- Lembah Jaya
- Teratai
- Semenyih
- Sungai Ramal
- Balakong
- Kinrara
- Taman Medan
- Kampung Tunku
- Bukit Lanjan
- Sementa
- Bandar Baru Klang
- Sijangkang
- Morib
- Tanjong Sepat
- Seri Kembangan
- Seri Serdang
- Subang Jaya
- Bukit Gasing
- Bandar Utama
- Paya Jaras
- Kota Damansara
- Kota Anggerik
- Batu Tiga
- Meru
- Selat Klang
- Pelabuhan Klang
- Pandamaran
- Sungai Kandis
- Kota Kemuning
- Banting
- Sungai Pelek

### Empat penjuror

- Kuala Kubu Baharu
- Pandan Indah
- Seri Setia
- Sentosa
- Dengkil

Senarai lengkap kerusi dan calon bertanding boleh disemak di pautan [dashboard.spr.gov.my/main?kod=2023-05](http://dashboard.spr.gov.my/main?kod=2023-05)

# Pertahan kemenangan Sungai Tua

**GOMBAK** - Dato' Menteri Besar yakin mengulangi kejayaan penggal lalu mempertahankan kerusi Sungai Tua dalam pilihan raya negeri (PRN).

Dato' Seri Amirudin Shari turut menegaskan kerajaan perpaduan akan dibentuk di Selangor antara Pakatan Harapan (HARAPAN) bersama sokongan Barisan Nasional (BN) selepas 12 Ogos.

"Insyallah dengan momentum kesefahaman, kesepakatan dengan prestasi yang ditonjolkan dalam pen-

capaian lima tahun lepas, kita yakin akan kekalkan momentum kemenangan," katanya.

Calon nombor tiga dalam kertas undi itu ditemui selepas pengumuman calon di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Pusu, Gombak pada 29 Julai.

Kerusi Sungai Tua menyaksikan saingan tiga penjuror antara Amirudin yang juga pengerusi HARAPAN Selangor menentang calon Perikatan Nasional (PN) Muhammad Hanif Ja-

maluddin dan Bebas Suman Gopal.

Sementara itu, calon BN bagi kerusi Gombak Setia Datuk Megat Zulkarnain Oardin pula berharap golongan muda tidak menia-siakan undi mereka dan memilih calon perpaduan bersama HARAPAN.

Pengerusi Badan Perhubungan BN Selangor itu berdepan saingan tiga penjuror menentang penyandang kerusi Muhammad Hilman Idham (PN) dan calon Bebas Mohamed Salim Mohamed Ali.



Ilustrasi pelukis

# Puteri Ariana kediaman impian di Kota Puteri

**K**ediaman bukan sekadar tempat berlindung, namun mampu memenuhi ciri-ciri kehidupan yang sentiasa berubah mengikut peredaran masa.

Banyak yang perlu dipertimbangkan sebelum membeli sesebuah kediaman apatah lagi jika ia adalah rumah pertama. Yang pasti, ia mestilah berbaloi dengan harga yang telah dilaburkan.

Persekitaran yang harmoni, lokasi yang baik dan strategik menjadi ciri-ciri paling penting dalam memilih kediaman untuk menetap dan membina kehidupan.

Tentunya kita mahukan banyak kelebihan, terutama dari segi kemudahan asas yang boleh diakses dari lokasi kediaman. Puteri Ariana yang bakal dibangunkan di Seksyen 8 Kota Puteri ada jawapannya.

Kota Puteri boleh diakses melalui Lebuhraya Latar, Lebuhraya Guthrie dan Jalan Kuala Selangor.

Jarak perjalanan dari tapak projek ke Kuala Lumpur hanyalah 45km manakala ke Pekan Ijok sekitar 5km.

Untuk ke bandar pula, penduduk Kota Puteri boleh memilih untuk berbelanja sama ada di pekan Ijok, bandar Kuala Selangor, bandar Puncak Alam, pekan Rawang atau di Desa Coalfields.

Kemudahan komuniti sebagai pelengkap gaya hidup turut memainkan peranan penting. Di sini, elemen komuniti yang ada di kawasan perbandaran ini mampu memenuhi keperluan gaya hidup

sehari-hari yang anda mahukan.

Pelbagai lokasi menarik yang menjadi tumpuan pelancong sebenarnya boleh anda akses dengan mudah dari sini.

Antaranya Selangor Fruit Valley, Pasar Basah Pasir Penambang, Taman Ikan Air Tawar, Eagle Feeding Pasir Penambang, Bukit Melawati, Tasik Kota Puteri, Kampung Kuantan Firefly Park, Sky Mirror dan Taman Alam.

Tidak akan sempurna sesebuah lokasi perumahan jika tiada kemudahan asas penting untuk keperluan pendidikan dan kesihatan.

Terletak berdekatan dengan pusat pendidikan tinggi seperti UiTM Puncak Alam dan Universiti Industri Selangor (Unisel) Bestari Jaya, Kota Puteri terbukti pesat membangun dengan pertumbuhan pembangunan bercampur apabila dilengkapi dengan kemudahan sekolah seperti Sekolah Kebangsaan Ijok, Wesley Methodist School, Sekolah Menengah Kebangsaan Tuanku Abdul Rahman, Ijok, Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Ijok dan Sekolah Rendah Agama Ijok.

Tiada apa lagi yang perlu dirisaukan apabila kediaman dibeli terletak berhampiran dengan kemudahan pusat kesihatan.

Projek terbaru PKNS ini berada berdekatan dengan Hospital Selgate Rawang, Hospital UiTM Puncak Alam, Klinik Kesihatan Sungai Buloh dan Hospital Pakar KPJ Rawang.



Ilustrasi pelukis

## Projek Puteri Ariana

Pembangunan Puteri Ariana di bawah projek Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menampilkan kediaman teres dua tingkat yang terletak di Kota Puteri, Selangor.

Puteri Ariana dibina di kawasan seluas 39.51 ekar, membabitkan nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM48.1 juta.

Projek yang dijangka siap pada tahun 2025 itu, menawarkan 72 unit (24 unit rumah link 2 tingkat (20' x 70') dan 48 unit rumah link 2 tingkat (22' x 75') dengan harga daripada RM590,000 hingga RM746,000 seunit.

Sesuai dengan reka bentuknya yang bersifat moden kontemporari dan moden tropika, Puteri Ariana tersedia dengan empat bilik tidur dan tiga bilik air.

Reka bentuk balkoni di bilik utama dan ruang keluarganya menyerlahkan lagi ciri-ciri perancangan yang kreatif untuk kediaman selesa dengan persekitaran kawasan yang harmoni.

Bagi melengkap ciri-ciri keselamatan, setiap unit kediaman didatangkan dengan sistem 'tyre stopper'.

## Sasaran Pasaran:

- Golongan profesional
- Kakitangan swasta
- Kakitangan awam

## Promosi:

- SPA ditanggung oleh PKNS
- MOT ditanggung oleh PKNS
- Diskaun istimewa kepada Bumi dan Non-bumi serta Skim Loyalti
- Tambahan Diskaun bagi 'Early Bird'
- Pakej barangan elektrik berjenama Samsung bernilai RM10,000\*

\*Tertakluk kepada terma & syarat

Untuk maklumat lanjut, hubungi PKNS Bahagian Jualan Hartanah (PKNS X Homes) di talian 03-5022 0188 atau [www.pkns.gov.my](http://www.pkns.gov.my).



Ilustrasi pelukis



## Hargai kesetiaan Halimey, Shatiri

**SUBANG JAYA** - Pengerusi Pakatan Harapan (HARAPAN) merakam penghargaan kepada Halimey Abu Bakar dan Shatiri Mansor atas khidmat cemerlang sepanjang menjadi wakil rakyat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan bekas wakil rakyat Seri Setia dan Kota Damansara sebagai pemimpin berwibawa yang terus memberi sokongan kepada HARAPAN walau mereka tidak lagi bertanding.

"Mereka ini bagi bertanding setia, tak bertanding lagi setia. Mana mahu cari macam itu?"

"Inilah yang dikatakan disiplin dalam perjuangan," katanya di hadapan kira-kira 1,000 orang dalam ceramah Arus Merah Kuning di sini pada 30 Julai.

Perdana menteri turut menjelaskan pertukaran calon di kerusi Kota Damansara pada pilihan raya negeri bagi memberi ruang kepada tokoh muda iaitu, Muhammad Izuan Ahmad Kasim.

## Percaya rakyat bijak memilih

**SHAH ALAM** - Dato' Seri Amirudin Shari yakin rakyat akan membuat pilihan bijak dengan mengekalkan Pakatan Harapan (HARAPAN) di Selangor pada pilihan raya negeri (PRN) 12 Ogos.

Pengerusi HARAPAN negeri berkata rakyat boleh menilai pelbagai inisiatif kebajikan yang disediakan serta pencapaian pentadbiran negeri selama tiga penggal sejak 2008.

"Kita beri penjelasan kepada rakyat apa yang telah dan akan kita lakukan. Ini akan menjadi tawaran kita, bukan hanya memainkan sentimen semata-mata.

"Saya tak rasa rakyat Malaysia ingin kembali kepada ketidakpastian (politik) seperti sebelum ini. Ini peluang terbaik memulihkan keadaan dan kita perlukan pendamaian besar-besaran yang diinginkan khususnya selepas pilihan raya negeri," katanya pada 24 Julai.

Katanya, rakyat Selangor turut memberi maklum balas positif dengan gabungan HARAPAN dan Barisan Nasional (BN) membentuk Kerajaan Perpaduan.

Amirudin berharap pemimpin muda memandang ke depan demi menjayakan Malaysia yang lebih matang, demokratik dan tahu keutamaan.

# 4 juta rakyat dapat air percuma

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor menafikan kenyataan putar belit dan fitnah yang ditabur golongan tertentu bahawa program air percuma sudah dihentikan.

Dato' Menteri Besar berkata pemberian air percuma masih dilaksanakan di bawah Skim Air Darul Ehsan (SADE) dan manfaat tersebut dinikmati hampir 4 juta pengguna.

Jelas Dato' Seri Amirudin Shari, program meringankan beban rakyat yang berjalan hampir 10 tahun itu turut ditambah baik serta diberikan kepada mereka yang benar-benar layak.

"Setelah pelaksanaan program ini hampir 10 tahun, Kerajaan Negeri menyelaras semula bagi memastikan kedudukan kewangan Air Selangor mampan untuk melaksanakan program pertukaran paip.

"Malah penyelaras ini juga dilaksanakan bagi memastikan mereka yang benar-benar memerlukan dapat terima manfaat. Sebelum ini, pengguna yang mempunyai rumah banglo di Bukit Damansara turut menikmati skim air percuma sama seperti pengguna di PPR Lembah Subang.

"Dengan penyelaras semula ini,

mereka yang berpendapatan RM 5,000 ke bawah sahaja menerima manfaat ini," katanya di Twitter pada 24 Julai.

Bermula 1 Oktober tahun lalu, Kerajaan Negeri mengubah syarat kelayakan air percuma 20 meter padu setiap bulan dengan menaikkan had maksimum pendapatan isi rumah daripada RM4,000 kepada RM5,000 ke bawah.

Syarat kelayakan lain meliputi pemohon mestilah warganegara Malaysia, premis kediaman jenis meter individu dan hanya untuk satu akaun sahaja.

## Sumbangan 25.5 peratus kepada negara

# KDNK makin tinggi bantuan bertambah

Oleh **FUAD HADINATA**

**SHAH ALAM** - Nilai rizab, agihan bantuan kebajikan dan sumbangan Selangor kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menunjukkan peningkatan sepanjang lima tahun pentadbiran negeri.

Bagi KDNK, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata sumbangan tertinggi dalam sejarah negeri iaitu 25.5 peratus juga menunjukkan trend menaik sepanjang tempoh tersebut.

Beliau menjelaskan kadar 25.5 per-

tus pertama kali dicapai pada 2022 manakala 2021 (24.8 peratus), 2020 (24.3 peratus), 2019 (24.2 peratus) dan 2018 (23.7 peratus).

"Pada 2021 dan 2022, kita merekod peningkatan 0.7 peratus daripada 24.8 kepada 25.5 peratus, (ini) paling tinggi dalam tempoh 15 tahun, kita telah buat sesuatu untuk tingkat ekonomi.

"Trend menaik, tidak boleh dikatakan mundur," katanya dalam program Sembang Katup Pintu pada 25 Julai sambil menyangkal dakwaan pembangkang kononnya prestasi ekonomi Selangor merosot.

Amirudin selaku pengerusi Pakatan Harapan Selangor juga memaklumkan rizab negeri menunjukkan aliran peningkatan besar, daripada RM470 juta pada 2008 kini berjumlah RM3.4 bilion.

Katanya, pentadbirannya juga berbelanja RM2.3 bilion untuk program kebajikan, kira-kira RM1 bilion lebih besar berbanding zaman pimpinan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali iaitu RM1.3 bilion.

"Beza RM1 bilion, mungkin ada kata tempoh Azmin tidak panjang tetapi apabila dicampur dengan zaman Tan Sri Khalid, apa yang kita belanja lebih daripada mereka," katanya.

## Tingkat nilai bantuan untuk B40

**SHAH ALAM** - Beberapa program kebajikan rakyat disusun semula dengan menambah jumlah bantuan serta penerima manfaat, maklum Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau berkata inisiatif Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dinamakan kepada Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) selain meningkatkan nilai bantuan bulanan.

Peserta BINGKAS menerima RM300

sebulan atau RM3,600 setahun berbanding RM200 sebulan atau RM2,400 setahun menerusi program KISS.

Skim Mesra Usia Emas (SMUE) pula distruktur semula yang memberi bawcar beli-belah RM150 kepada warga emas setiap tahun dan khairat kema-tian RM500.

"Program ini ditambah baik dengan memberi bawcar 'shopping' setiap tahun kepada warga emas semasa hidup berbanding menerima wang

selepas meninggal dunia seperti zaman dahulu.

"Usah terpedaya dengan golongan pemecah belah yang menabur fitnah dan pembohongan. Kerajaan Perpaduan adalah gabungan terbaik untuk Selangor," katanya di Twitter pada 24 Julai.

Pada 6 Julai, Amirudin berkata SMUE ditambah baik supaya penerima berusia 60 tahun ke atas berpeluang menikmati bantuan kebajikan selagi mereka ada hayat.

WAKTU SOLAT

3-9 OGOS 2023  
16-22 MUHARAM 1445

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
03 Khamis	5:51	6:01	7:11	1:22	4:43	7:29	8:42
04 Jumaat	5:51	6:01	7:11	1:22	4:42	7:29	8:42
05 Sabtu	5:51	6:01	7:11	1:22	4:42	7:29	8:41
06 Ahad	5:51	6:01	7:11	1:22	4:42	7:29	8:41
07 Isnin	5:51	6:01	7:11	1:22	4:41	7:29	8:41
08 Selasa	5:51	6:01	7:11	1:22	4:41	7:29	8:41
09 Rabu	5:51	6:01	7:11	1:22	4:40	7:28	8:40

Klang dan Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	5:52	6:02	7:12	1:23	4:44	7:29	8:42
	5:52	6:02	7:12	1:23	4:43	7:29	8:42
	5:52	6:02	7:12	1:23	4:43	7:29	8:41
	5:52	6:02	7:12	1:23	4:43	7:29	8:41
	5:52	6:02	7:12	1:22	4:42	7:29	8:41
	5:52	6:02	7:12	1:22	4:42	7:29	8:41
	5:52	6:02	7:12	1:22	4:41	7:28	8:40

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	5:53	6:03	7:12	1:25	4:45	7:32	8:44
	5:53	6:03	7:12	1:25	4:45	7:32	8:44
	5:53	6:03	7:12	1:24	4:44	7:32	8:44
	5:53	6:03	7:12	1:24	4:44	7:31	8:44
	5:53	6:03	7:12	1:24	4:44	7:31	8:43
	5:53	6:03	7:12	1:24	4:43	7:31	8:43
	5:53	6:03	7:12	1:24	4:43	7:31	8:43



**TERBAIK...** Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah bersama tiga ikon usahawan pusingan akhir Liga Usahawan OKU Malaysia di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur pada 27 Julai. Foto MOHD ARIF

## Selangor tahan uji, KDNK terbesar

**SHAH ALAM** - Pentadbiran negeri berdepan pelbagai cabaran dalam menjadi penggerak ekonomi negara dan penyumbang terbesar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Dato' Menteri Besar berkata pencapaian itu menunjukkan keupayaan Selangor untuk terus melangkah meskipun ia dicapai ketika pandemik Covid-19 dan bencana banjir.

Berikutan itu, Dato' Seri Amirudin Shari akan memastikan Selangor terus menjadi topik perbincangan dalam ekonomi selepas berjaya membuktikan kemampuan sebagai negeri tahan uji.

"Pertama sekali Selangor tidak boleh keluar daripada perbincangan ekonomi, justeru pencapaian ekonomi negeri kita tunjukkan dengan kemampuan dan keupayaan dalam sudut tahan uji.

"Juga keupayaan kita mengembang (tenaga) di saat dan kala luar krisis dan juga merangka potensi pada masa depan," katanya dalam wawancara khas bersama Sinar Harian baru-baru ini.

Selangor menyumbang 25.5 peratus KDNK tahun lalu, manakala 2021 (24.8 peratus), 2020 (24.3 peratus), 2019 (24.2 peratus) dan 2018 (23.7 peratus)

## Percepat proses bangkit semula

# Bantu negara pulih ekonomi

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

**SHAH ALAM** - Selangor yang menyumbang satu perempat ekonomi negara perlu dipertahan bagi memastikan usaha memulihkan ekonomi negara tidak terjejas.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan peranan negeri penting berikutan sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada negara mencatat 25.5 peratus tahun lalu.

"Kita perlu mengekalkan yang (kerajaan) ada untuk memulihkan negeri dan negara kita dengan lebih pantas (sekali gus) memuncak prestasi dan pencapaian kita.

"(Jika) Selangor sebagai penyumbang ekonomi terbesar merudum, ia juga akan merendah dan menurunkan kemampuan pemulihan," katanya dalam program Sembang Katup Pintu pada 26 Julai.

Beliau yang juga pengerusi Pakatan Harapan (HARAPAN) Selangor juga menegaskan kepentingan pentadbiran persekutuan dan negeri yang seragam bagi memastikan usaha pemulihan itu lancar.

"Jika Selangor berada di luar kelompok kerajaan persekutuan proses (pemulihan) itu akan jadi lebih parah

atau lambat," katanya.

Amirudin juga memberi contoh penstrukturan air yang bermula sejak dua bekas Menteri Besar hanya lengkap ketika zaman pentadbirannya berikutan HARAPAN menguasai persekutuan dan negeri.

"Waktu ini kita memerlukan Selangor yang berjaya kerana kita sedang pulihkan ekonomi yang terkesan teruk dengan pandemik," kata ahli parlimen Gombak itu.

Buat pertama kali, Selangor mencatat sumbangan KDNK kepada negara 25.5 peratus berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Aliran menaik dicatat sejak 2018 iaitu 23.7 peratus pada tahun berkenaan diikuti 24.2 peratus (2019), 24.3 peratus (2020) dan 24.8 peratus (2021).

Melalui Rancangan Selangor Pertama (RS-1), Selangor menyasar sumbangan KDNK sebanyak 30 peratus pada masa depan.

Di samping itu, Kerajaan Negeri pimpinan Amirudin berbelanja RM2.37 bilion untuk program kebajikan rakyat, kira-kira RM1 bilion lebih besar berbanding pentadbiran sebelumnya.

Jumlah berkenaan tidak termasuk kos bagi membantu rakyat berdepan pandemik Covid-19 meliputi lima paket rangsangan ekonomi lebih RM1 bilion.

## Bayu Homes

@Taman Saga 3,  
Jalan Raja Nong, Klang.

---

**RUMAH TERES 2 TINGKAT  
LOT BUMIPUTERA  
PEGANGAN KEKAL**

- Saiz Lot 20' x 80'
- Luas Binaan daripada 2,146 Kaki Persegi
- Tinggal 12 Unit Sahaja
- Berdekatan Masjid Kota Raja

HARGA DARIPADA  
RM683,550\*

\*Harga selepas diskaun bumiputera

HUBUNGI :

016 364 4555 NADZRIE  
019 366 4688 ROSE  
016 208 8426 THOHA  
016 269 5336 IBERAHIM

Lesen Pemaju (Fasa 1) : 13296-202-2024(8)(L) | Tempoh Sah: Dari 8/2/2022 hingga 7/2/2034 | Permis Bina & Jualan (Fasa 1) : 13296-202-2024 (P) | Tempoh Sah: Dari 8/2/2022 hingga 7/2/2034 | Lesen Pemaju (Fasa 2) : 13296-202-2024(8)(L) | Tempoh Sah: Dari 8/2/2022 hingga 7/2/2034 | Permis Bina & Jualan (Fasa 2) : 13296-202-2024 (P) | Tempoh Sah: Dari 8/2/2022 hingga 7/2/2034 | Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Klang / No. Rujukan Kelulusan Pelan Bangunan : MPPK/BA-600-4/10048(2020)-P | Pelanggaran Tanah - Hak Milik Bebas (kini Gurun Hakmilik Induk) | Sebatan Kepentingan - Tiada | Tarikh Dinyatakan Bina : Disember 2024 (Fasa 1) | Fasa 1 - Jumlah Unit : 32 Unit (Jenis - B - Semi) | Harga Jualan - Jenis - B - Semi (maksimum RM565,000.00) - maksimum RM1,000,000.00 (Fasa 2) | Fasa 2 - Jumlah Unit : 20 Unit (Jenis - A - Semi) | Harga Jualan - Jenis - A - Semi (maksimum RM735,000.00) - maksimum RM1,150,000.00 | (Dilakukakan Bimbingan 7%) | Binaan Tanah : Maybank Islamic Berhad (Pendaftaran Semua maklumat yang berbanding di sini termasuk ukuran dan ilustrasi terbitan pada platform tanpa pameritahuan seperti yang mungkin dikendalikan oleh pihak berkuasa atau perunding pemaju dan tidak bertujuan untuk membina atau tidak boleh membina sababnya dari kawasan akaun kontrak. Semua lukisan hanya anggaran. Semua lukisan adalah tanggapan artis sahaja.



## Lahirkan generasi celik politik

**SHAH ALAM** - Pendidikan politik wajar diterapkan seawal peringkat sekolah rendah dan menengah bagi melahirkan generasi celik politik, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata golongan muda perlu diberi pemahaman politik secara lebih meluas terutama nilai setiap undi dalam pilihan raya.

"Kita perlu pendidikan politik. Di peringkat sekolah rendah dan menengah supaya mereka sedar nilai setiap undi yang mereka sumbangkan akan tentukan lima tahun nasib (mereka).

"Ini (pendidikan) perlu dibuat di sekolah bukan untuk memenangkan mana-mana pihak tetapi untuk survival dan kelangsungan kita," katanya pada 25 Julai.

Amirudin berkata amat penting memiliki generasi celik politik dan kenegaraan bagi menjamin kestabilan negara.

## Manfaat hasil untuk kebajikan rakyat

**SHAH ALAM** - Kejayaan Selangor mencatat kutipan hasil serta pelaburan tinggi membolehkan pentadbiran negeri ini melaksanakan pelbagai inisiatif untuk rakyat.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata kemampuan memperkenalkan program kebajikan, pendidikan hingga pengupayaan rakyat meletakkan Selangor lebih istimewa berbanding negeri lain.

"Misalnya Skim Mesra Usia Emas, dulu kita hanya beri kepada waris dan warga emas tidak merasa apa-apa. Kita tambah baik dengan memberi RM150 setiap tahun sepanjang hayat mereka dan apabila meninggal, waris diberi RM500.

"Kita akan cuba naik taraf dan baiki kesilapan. Saya percaya perkara ini harus dilakukan kerana ia proses berterusan," katanya dalam sesi Town Hall Rakyat di Seksyen 15, di sini pada 24 Julai.

## Peluang kerja tarik minat rakyat hijrah

**GOMBAK** - Kekuatan ekonomi Selangor memberi manfaat kepada rakyat di seluruh negara apabila ramai yang berhijrah mencari peluang kerjaya dan menetap di sini, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata ekonomi negeri terus berkembang saban tahun sehingga berupaya menawarkan lebih 89,000 peluang pekerjaan dalam tempoh lima tahun.

"Selangor ini tempat masyarakat pelbagai kaum dari seluruh Semenanjung, Sabah dan Sarawak datang untuk mencari kerja kerana kekuatan ekonominya.

"Itu yang menarik ramai orang datang dan menghuni di sini," katanya dalam majlis penutupan Kejohanan Futsal Amatur Piala Dato' Seri Amirudin Shari di KSL Sport Futsal, Batu Caves pada 24 Julai.

# 10 juta terima e-tunai RM100

**SHAH ALAM** - Kerajaan Persekutuan bersetuju menawarkan kredit e-tunai sebanyak RM100 kepada semua rakyat dewasa berpendapatan RM100,000 setahun dan ke bawah.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan inisiatif tersebut dibuat berikutan kejayaan dan dampak besar program e-tunai kepada masyarakat.

"Bilangan penerima yang layak dianggarkan melebihi 10 juta rakyat iaitu



merangkumi golongan berpendapatan rendah (B40) dan menengah (M40) dengan dana sekitar RM1 bilion," katanya.

Beliau mengumumkan perkara itu ketika melancarkan pelan Ekonomi Madani: Memperkasakan Rakyat di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di Kuala Lumpur pada 27 Julai.

Sebelum ini, kerajaan mengumumkan belia berumur antara 18 hingga 20 tahun

atau pelajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi boleh mendaftar untuk menerima kredit RM200 mulai 26 Jun.

Sementara itu, calon pilihan raya negeri diingatkan bertanding secara sihat dan tidak berkempen menggunakan isu sensitif bagi menghormati bulan kemerdekaan.

Menteri Komunikasi dan Digital Fahmi Fadzil berkata meskipun negara mengamalkan demokrasi dan bebas berkepresiden, namun ia tidak boleh melanggar batas undang-undang.

## Ringan belanja rakyat

# Lanjut jualan murah setahun lagi

Oleh **FHATHIAH ZAKINAN & SHEEDA FATHIL**

**GOMBAK** - Kerajaan Negeri bercadang untuk melanjutkan penganjuran program Jualan Ehsan Rahmah (JER) setahun lagi bagi meringankan beban orang ramai untuk memperoleh barangan asas.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari percaya kesinambungan penganjuran JER mengurangkan tekanan rakyat khususnya golongan wanita untuk membeli bahan keperluan harian.

"Kita rancang untuk teruskan lagi (JER) untuk tempoh setahun atau enam bulan daripada bulan 8 (Ogos), untuk kurangkan tekanan rakyat," katanya pada 23 Julai.

Sementara itu, kerjasama Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) bersama pasar raya terkenal Segi Fresh memperluas capaian JER di negeri ini mulai 1 Ogos.

Ketua Pegawai Eksekutif PKPS Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata Segi Fresh menjadi rakan strategik termasuk penyediaan lokasi jualan dan logistik di premis rangkaian pasar raya itu.

"Usahasama ini juga akan meneroka potensi bagi pembangunan serta pemasaran jenama keluaran PKPS iaitu produk Ehsan di 55 rangkaian premis Segi Fresh di Selangor.

"Kita percaya dengan termeterainya MoU ini, ia anjakan paradigma kepada kedua-dua syarikat untuk membawa barangan lebih segar dan berpatutan kepada rakyat," katanya.

Terdahulu, beliau menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Pengarah Segi Fresh Dato' Syed Haizam Hishamudin Putra Jamalullail pada 25 Julai.

## Belanja RM8.9 juta bantu pesawah

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri membelanjakan RM8.9 juta kepada lebih 9,000 pesawah sepanjang tahun ini.

EXCO Pertanian Ir Izham Hashim berkata peruntukan itu bagi memastikan hasil tanaman lebih baik sekali gus menambah pendapatan.

"Kita beri bantuan RM300 untuk setiap hektar kepada petani dibayar secara tu-

nai supaya mereka dapat tingkatkan hasil padi dan bantuan dalam bentuk benih bernilai RM200.

"Ini bukti bahawa Kerajaan Selangor tidak pernah mengabaikan sesiapa termasuk golongan petani dan pesawah kerana kita mahu ekonomi negeri ini dinikmati semua penduduk," katanya pada 27 Julai.

Ir Izham turut menggesa pesawah

khususnya anak muda yang mengikuti program tersebut mempraktikkan segala kaedah yang diajar supaya dapat meningkatkan hasil tanaman.

"Ambil manfaat daripada kemajuan teknologi yang dikongsi dalam program ini supaya dapat tingkat prestasi dan hasil tanaman serta menambah pendapatan," katanya.

## Bangunkan potensi kanak-kanak

**GOMBAK** - Pelbagai program dan bantuan disediakan bagi memastikan potensi pendidikan terbaik dibangunkan kepada pelajar dan kanak-kanak meliputi semua golongan di negeri ini.

Inisiatif itu meliputi skim bantuan yuran RM50 sebulan kepada kanak-kanak yang layak selain Cikgu Anis Istimewa Selangor untuk membangunkan potensi guru, kata Dato' Menteri Besar.

"Saya satu-satunya menteri besar yang mengawal selia sektor pendid-

dikan. Ini cabaran besar kerana di Selangor melibatkan kos, ruangan dan sumber manusia berskala besar yang perlu kita tangani.

"Negeri akan terus memberi dukungan kewangan kepada ibu bapa dan rancang program pencegahan awal untuk pendidikan anak-anak istimewa seperti autisme," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau berucap pada majlis penutup program Potensi Hari Kanak-Kanak Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas)

Daerah Gombak di Sekolah Agama Sungai Tua, di sini pada 23 Julai.

Dalam pada itu, Amirudin berkata usaha membantu pelajar dalam meningkatkan pencapaian akademik antara tumpuan pentadbirannya sejak memegang tampuk pemerintahan pada 2018.

Beliau berkata langkah itu dibuat berikutan statistik Jabatan Pendidikan Selangor yang menunjukkan sekitar 14,000 anak muda berpotensi gagal dalam Sijil Pelajaran Malaysia.

# Masjid, sekolah agam kian maju

**D**alam kesibukan pilihan raya, fitnah berterbangan bagi memburukkan Kerajaan Negeri.

Tuduhan yang paling tidak munasabah juga disebar, konon jumlah masjid di Selangor makin berkurangan.

“Sebanyak **78 masjid dan 75 surau** dibina baharu atau ditambah baik (sejak 2018).

“Elaun guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) ditingkatkan dan tertinggi di Malaysia.

“**Insentif khas khusus** (disediakan) buat imam, bilal dan siak masjid di seluruh Selangor.

“**Insentif khas buat jemaah Haji Muassasah** (sebanyak RM500 seorang).

“Elaun imam di Selangor adalah **RM1,300 sebulan**, bukan RM850 seperti yang didakwa!

“Jauhi fitnah yang merupakan dosa besar dalam Islam,” tulis Dato’ Menteri Besar Dato’ Seri Amirudin Shari di Twitter pada 28 Julai.

Jumlah masjid tidak berkurangan kepada 375 buah seperti ditohmah.

Angka Jabatan Agama Islam

Selangor (Jais) membuktikan terdapat **436 masjid** dan 2,112 surau.

Sebanyak **346 daripadanya dijadikan surau solat Jumaat**.

Jumlah besar rumah ibadah ini tidak termasuk 369 buah musolla.

Selangor juga sangat mengambil berat pendidikan Islam, membelanjakan lebih **RM180 juta setahun untuk kemajuan sekolah dan kebajikan guru agama** serta Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa).

Jumlah gaji, elaun dan imbuhan Bahagian Pendidikan Islam (BPI) Jais sebanyak **RM72.3 juta**, tidak termasuk gaji guru kontrak **RM11.6 juta** dan emolumen guru Kafa **RM2 juta**.

Dana untuk pendidikan agama ini kira-kira 64 peratus daripada peruntukan mengurus Jais sebanyak **RM280.7 juta**.

Hasil kesungguhan Jais, Sekolah Agama Menengah Bestari (SAMBEST) Subang Jaya mencapai Gred Purata Sekolah (GPS) 1.22 dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2022.

Ia lebih baik berbanding Kolej Islam Sultan Alam Shah (Kisas).

## PERBELANJAAN PENDIDIKAN ISLAM 2023

Jenis perbelanjaan	Peruntukan (RM)
Emolumen	72,325,832
Perkhidmatan dan bekalan	27,114,471
Aset	143,089
Pemberian dan kenaaan bayaran tetap	2,334,030
<b>JUMLAH</b>	<b>101,917,422</b>

## PERBELANJAAN KAFA 2023

Jenis perbelanjaan	Peruntukan (RM)
Emolumen	2,030,247
Perkhidmatan dan bekalan	65,871,538
<b>JUMLAH</b>	<b>67,901,785</b>

Sumber Jabatan Agama Islam Selangor

## ELAUN PEGAWAI MASJID KARIAH 2023

Jawatan	Elaun (RM)	Setahun (RM)
Imam 1 & 2	1,300	11,700,000*
Nazir	250	1,125,000
Bilal 1	290	1,305,000
Bilal 2	200	900,000
Siak 1	240	1,080,000
Siak 2	150	675,000

\* termasuk sumbangan Jakim

Sumber Jabatan Agama Islam Selangor

## SUMBANGAN BAGI ELAUN PEGAWAI & AJK MASJID 2023

Agensi	Sebulan (RM)	Setahun (RM)
LZS	-	972,400
Jais	873,750	10,485,000
Jakim	637,500	7,650,000
<b>JUMLAH</b>	<b>1,511,250</b>	<b>19,107,400</b>

Sumber Jabatan Agama Islam Selangor

**Taman KOI**

**KINI DIBUKA UNTUK JUALAN**  
Sila Hubungi 03-3342 5881 untuk Maklumat Selanjutnya

Lot Tengah (Jenis A): 22' x 68' • Kawasan Membina 3,266 kaki<sup>2</sup>  
Lot Penjuru (Jenis A1): 22' x 68' • Kawasan Membina 3,416 kaki<sup>2</sup>  
Lot Penjuru (Jenis A2): 22' x 68' • Kawasan Membina 3,875 kaki<sup>2</sup>

**Bumiputera sahaja**

Nombor Lesen Pemaju: 13824-02-2025-0580(R) Tempoh Sah Lesen: 10/02/2022 - 09/02/2025 Nombor Permit Bkdn & Jualn: 13824-102-2024-0191(R)(L) Tempoh Sale: 1 tahun  
Tarikh Sale: Bermula dari 10/02/2023 sehingga 09/02/2024 Jenis Pegangan Tanah: Pajak Tempoh Pajak: 99 Tahun  
Sekatan Kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik atau dipajak melainkan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Tarikh Tamat Tempoh Pajak: 27 November 2074  
Behanan: Tiada gadai. Baki Unit: 12 unit Harga Jualn: RM650,000.00 (Minima), RM750,000.00 (Maksima) Tarikh Dijangka Siap: Disember 2023  
Pihak Berkuasa yang meluluskan: Majlis Daerah Sabak Bernam Pelan Bangunan yang diluluskan: OSC/A12/02/2014(PB)

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAM NEGARA



# Membela guru agama

**K**erajaan Negeri sentiasa cakna kebajikan guru Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (Kafa), Kafa Integrasi (Kafa-i) dan sekolah agama selaras keperluan semasa.

Mulai tahun ini, Kerajaan Selangor mengambil inisiatif menyelaraskan elaun supaya kelompok itu turut menikmati **gaji minimum RM1,500**. Langkah itu bakal memanfaatkan **2,825 guru** yang masih dibayar elaun serendah RM1,350 sebulan.

Perbelanjaan **RM4.8 juta** diluluskan dalam Belanjawan Negeri 2023 yang dibentang Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada November lalu.

Sebagai tambahan, Amirudin pada 13 April turut mengumumkan **kajian semula tangga gaji** bagi mengurangkan beban mereka termasuk guru sekolah agama yang terpaksa menunggu kenaikan pangkat serta gaji untuk tempoh lama.

Dua tahun sebelum itu, Kerajaan Negeri memperkenalkan **caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso)** yang disambut baik Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

Perbelanjaan RM1.1 juta untuk bayaran Perkeso itu **memanfaatkan 4,200 guru Kafa** sebagai perlindungan jika terbabit dalam kemalangan ketika berulang-alik ke tempat mengajar.

Kerajaan Negeri turut menyediakan **caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**. Bantuan khas kewangan sempena Aidilfitri turut diberi kepada guru Kafa dan sekolah agama yang **dinikmati 1,687 pendidik** pada tahun ini.

Seramai 32 penyelia Kafa turut menerima manfaat hasil urus tadbir baik Kerajaan Selangor. Mulai tahun ini, **insentif khas RM100 setiap bulan** dinikmati golongan itu untuk meningkatkan semangat mereka mengurus institusi berkenaan.

Pendidikan agama kepada anak-anak Selangor menjadi keutamaan. Sebanyak **RM5 juta setahun** diluluskan pada 2022 dan tahun ini sebagai **subsidi bayaran yuran pelajar RM30 sebulan** kepada Kafa-i.

Bantuan ini dinikmati murid 296 Kafa-i, sekali gus membantu **menyelesaikan tunggakan yuran** bulanan membabitkan **14,000 murid** daripada keluarga berpendapatan rendah (B40).

Untuk memajukan lagi pendidikan Islam, Selangor menyediakan **RM14.6 juta lagi untuk melantik 656 guru Kafa dalam tempoh hingga 2027**. Sebagai langkah awal, seramai 150 orang dilantik tahun ini.

Berikut reaksi beberapa guru yang mendapat manfaat usaha itu dalam temu bual pada 24 Mac.



"Alhamdulillah Kerajaan Negeri dan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) sentiasa berusaha meningkatkan kebajikan guru agama.

"Contohnya sedia cuti bersalin termasuk tiga hari untuk suami, elaun pun naik kepada RM1,500 dan pemberian

bantuan khas kewangan."  
**Aris Depungeng**, guru Kelas al-Quran dan Fardhu Ain Integrasi (Kafa-i) Masjid Bandar Sultan Sulaiman, Klang



## PERUNTUKAN PENDIDIKAN AGAMA SELANGOR (RM JUTA), 2018-2023

	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Pengurusan	96.2	96.5	96.6	98.7	102.3	101
Penyelenggaraan	4	1	1	1	4.9	5

Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor

"Bertugas sejak 24 tahun lalu, saya lihat banyak perubahan terutama dari segi kebajikan guru sekolah agama dalam beberapa tahun kebelakangan ini seperti caruman Perkeso.

"Saya harap Kerajaan Negeri akan terus memartabatkan pendidik yang membentuk masyarakat seimbang di antara dunia dan akhirat."

**Nor Zulia Dasuki**, guru Kafa-i Ar-Razi Subang Dua, Shah Alam



"Saya melihat pengurusan untuk kebajikan guru sekolah agama semakin baik dan bersistematik berbanding dahulu, bukan sahaja dari segi elaun yang naik kepada RM1,500.

"Macam-macam kemudahan seperti cuti khas dinikmati penjawat awam, dahulu elaun masuk cek sekarang mudah dimasukkan terus ke akaun bank...jadi tidak perlu susah payah ke pejabat."

**Norlinawati Ibrahim**, guru Kafa-i Sungai Kapar Indah, Klang

"Alhamdulillah banyak kemudahan kami dapat seperti gaji minimum, caruman KWSP dan Perkeso.

"Ini menambah semangat kami untuk berkhidmat kerana kebajikan dijaga, mungkin selepas ini Kerajaan Negeri kena lihat perbezaan

keperluan dan beban guru di bandar serta luar bandar."

**Hanim Supian**, guru Kafa-i Masjid Subang Perdana, Subang Jaya

"Saya dahulu bermula dengan elaun RM250 dan sekarang naik RM1,850 sebagai ketua guru, banyak bezanya dan dapatlah berbelanja sedikit.

"Saya berharap usaha tambah baik ini diteruskan, pertama ubah daripada elaun kepada gaji supaya kami dapat menikmati keistimewaan seperti penjawat awam seperti pembiayaan bank bagi membeli rumah atau kereta."

**Khusaini Sarnuji**, guru Kafa-i Masjid Al-Faizin Seksyen 28, Shah Alam



"Saya bersyukur usaha Kerajaan Negeri membantu kami, saya dahulu elaun RM300 kemudian naik kepada RM660 dan sekarang RM1,500.

"Sebelum ini pun kami 'kurang dipandang' dan sekarang dapat pelbagai insentif seperti bantuan khas Aidilfitri

dan hujung tahun, namun masih ada ruang boleh ditambah."

**Muhammad Nur Anuar**, guru Sekolah Rendah Agama Kampung Medan 2, Petaling Jaya





# Berganding pertahan perpaduan, kemakmuran

**P**ada 12 Ogos ini, lebih 3.7 juta pengundi Selangor akan menentukan Kerajaan Negeri, sama ada gabungan Pakatan Harapan (HARAPAN) dan Barisan Nasional (BN) atau Perikatan Nasional (PN).

Termasuk calon dua kumpulan terbesar ini, seramai 147 orang bertanding bagi merebut 56 kerusi Dewan Undangan Negeri. Calon-calon itu termasuklah daripada beberapa parti kecil dan Bebas.

Daripada jumlah ini, HARAPAN-BN mengekalkan 21 penyandang, manakala PN sebagai pembangkang pula mempertahankan empat penyandang. Selebihnya calon kali pertama atau yang pernah menyandang beberapa kerusi.

Sebanyak 26 kerusi menyaksikan pertembungan dua penjur, sementara 25 lagi pertandingan tiga penjur dan lima perebutan empat penjur. Persaingan sengit dijangka berlaku antara 10 hingga 20 kerusi.

HARAPAN-BN atau penentanginya PN masing-masing yakin menang. Namun, Kerajaan Negeri yang ditadbir HARAPAN-BN menunjukkan pencapaian ekonomi terbaik dan meluaskan pakej bantuan.

Ramai pemerhati menjangkakan gabungan Kerajaan Perpaduan ini dapat mengekalkan kedudukannya. Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, yang mempertahankan Sungai Tua, menjangkakan gabungan pimpinannya menguasai 68 hingga 70 peratus kawasan.

Seramai 274,194 orang pengundi muda, berusia 18 hingga 20 tahun, dijangka menjadi sasaran kempen sepanjang 14 hari menjelang 12 Ogos ini. Pemerhati politik melihat golongan ini tidak begitu tetap pendiriannya.

Pada hari penamaan calon 29 Julai, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama pemimpin kanan Kerajaan Perpaduan turut hadir menyokong gabungan HARAPAN-BN termasuk di Gombak.

Selain senarai lengkap calon parti utama, Selangorkini turut menyiarkan rakaman foto sebahagian calon pada hari penamaan calon dan kegiatan awal kempen mereka di muka surat 12 dan 13.

## N01 SUNGAI AIR TAWAR



Cikgu Zaidi Selamat



Datuk Haji Rizam Ismail

## N02 SABAK



Cikgu Samad Hashim



Ustaz Sallehen Mukhyi

## N03 SUNGAI PANJANG



Mohd Imran bin Tamrin



Ustaz Razali Saari

## N04 SEKINCHAN



Goh Gaik Meng



Ng Suee Lim



Pakatan Harapan  
44



Barisan Nasional  
12



Perikatan Nasional  
56



Ikatan Demokratik  
Malaysia 14




Parti Rakyat Malaysia  
6



Parti Sosialis Malaysia  
4



Parti Utama Rakyat  
1



Bebas (pelbagai logo)  
10

## N05 HULU BERNAM



Haji Amran Sakir



Muiz Mahyuddin

## N06 KUALA KUBU BAHARU



Henry Teoh



Chng Boon Lai



Lee Kee Hiong



Dr Siva



### N07 BATANG KALI



Muhaimin Harith



Mohd Isa bin Abu Kasim

### N08 SUNGAI BURONG



Dr Zamri Mantop



Ustaz Khir

### N09 PERMATANG



Pakya



Nurul Noh Omar

### N10 BUKIT MELAWATI



Thiban a/ Subbramaniam



Hj. Azley Yahya

### N11 IJOK



Jefri bin Mejan



Cikgu Amidi



CK Tan

### N12 JERAM



Jahaya Ibrahim



Harrison Hassan

### N13 KUANG



Hasnal Rezua Merican



YB. Salleh Amiruddin



Mohd Rafiq Abdullah

### N14 RAWANG



R. Rejean Kumar



Chua Wei Kiat

### N15 TAMAN TEMPLER



Aida Rahman



Anfaal Saari



Zaidy Abdul Talib

### N16 SUNGAI TUA



Suman Gopal



Hanif Jamaluddin



Amirudin Shari

### N17 GOMBAK SETIA



Mohamed Salim bin Mohamed Ali



Hilman Idham



Megat Zulkarnain Oardin





## N18 HULU KELANG



Azmin Ali



Juwairiya Zulkifli



## N23 DUSUN TUA



Johan Abd Aziz



Al Hafiz Ikhwan



Azhar Hambali



## N19 BUKIT ANTARABANGSA



Melanie Ting



Sasha Lyna



Kamri Kamaruddin



## N24 SEMENYIH



Wan Zulaika Anua



Nushi Mahfodz



## N20 LEMBAH JAYA



Syed Ahmad @ Altimet



Cikgu Sharifah



## N25 KAJANG



David Cheong



Allan Liew Sin Kin



Arul



## N21 PANDAN INDAH



Lisa Redzuan



Fazil Mohamad Dali (Cik Ton)



Sivaneswaran a/l Ramasundram



Izham Hashim



## N26 SUNGAI RAMAL



Shafie Ngah



Haji Mazwan Johar



## N22 TERATAI



Chew Han Keai



Yew Jia Haur



## N27 BALAKONG



Wayne Ong Chun Wei



Steven Lai





Anwar dan Premier Sarawak Tan Sri Abang Johari Tun Openg dikerumuni penyokong HARAPAN dan BN di Ampang Jaya



Mohd Khairuddin Othman disambut penyokong di luar pusat penamaan calon Paya Jaras di Seksyen U5, Shah Alam



Mohd Zawawi Ahmad Mughni bersama isteri dan penyokong ketika penamaan calon Sungai Kandis di Seksyen 32, Shah Alam



Calon Tanjong Sepat Borhan Aman Shah dengan penyokong di luar pusat penamaan calon di Pantai Sepang Putra, Sepang



Amirudin menyampaikan amanat kepada penyokong dan orang ramai dalam ceramah Arus Merah Kuning di Subang Bestari, Shah Alam



Datuk Megat Zulkarnain Oмарdin (tengah) mengemukakan borang penamaan calon Gombak Setia di Sungai Pusu, Gombak



Calon Hulu Kelang Juwairiya Zulkifli bersama Amirudin dan Megat Zulkarnain di luar pusat penamaan calon di Sungai Pusu, Gombak



Calon Permatang Mohd Yahya Mat Sahri (dua, kiri) bersama penduduk menjamu selera di Sawah Sempadan, Kuala Selangor



Penyokong bersama calon Meru Mariam Abdul Rashid (tengah) meraikan pencalonannya di Pejabat Daerah dan Tanah, Klang



Calon Ijok Amidi Abdul Manan (tengah) selepas pengumuman penamaan calon di Stadium Tertutup, Kuala Selangor



Calon Sungai Ramal Mazwan Johar (dua, kanan) disertai penyokong berarak ke pusat penamaan calon di Pejabat Daerah, Hulu Langat



Calon Dengkil Noorzali Said (dua, kanan) ketika mengemukakan borang di Cyberjaya, Sepang



Calon Taman Templer Anfaal Saari bersama ahli keluarga dan penyokong di luar pusat penamaan calon di Selayang, Gombak



Calon Pelabuhan Klang Azmizam Zaman Huri menziarahi penduduk di Taman Pendaras Indah, Klang



Amirudin, calon Sungai Tua, dan Juwairiya bertemu penyokong di luar pusat penamaan calon di Sungai Pusu, Gombak



Calon Sungai Air Tawar Datuk Rizam Ismail berarak ke pusat penamaan calon di Pekan Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam



Calon Bukit Melawati Thiban Subbramiam bertemu penyokong di luar pusat penamaan calon di Stadium Tertutup, Kuala Selangor




Datuk Jahaya Ibrahim (tengah) ketika menyerahkan borang penamaan calon Jeram di Stadium Tertutup, Kuala Selangor



Wan Zulaika Anua (tengah) diraikan penyokong selepas proses penamaan calon Semenyih di Ecohill, Hulu Langat



Penyokong HARAPAN bersorak ketika mengiringi calon mengemukakan borang di Selayang, Gombak



### N28 SERI KEMBANGAN

PERIKATAN NASIONAL Ken Liau

BEBAS Serdang Wong Jun Lik

HARAPAN Wong Siew Ki



### N33 TAMAN MEDAN

HARAPAN Ahmad Akhir Pawan Chik

PERIKATAN NASIONAL Dr. Afif Bahardin



### N34 BUKIT GASING

MUDA VKK Raja

PERIKATAN NASIONAL Nallan Dhanabalan

HARAPAN Rajiv Rishyakaran



### N29 SERI SERDANG

MUDA Amir Hadi

PERIKATAN NASIONAL Mohd Shukor

HARAPAN Abbas Azmi



### N35 KAMPUNG TUNKU

PERIKATAN NASIONAL Ruby Chin

HARAPAN Lim Yi Wei



### N30 KINRARA

HARAPAN Ng Sze Han

PERIKATAN NASIONAL Wong Yong Kang



### N36 BANDAR UTAMA

HARAPAN Jamaliah binti Jamaluddin

MUDA Abe Lim

PERIKATAN NASIONAL Aliff Taufid



### N31 SUBANG JAYA

HARAPAN Michelle Ng Mei Sze

PERIKATAN NASIONAL S. Gana

MUDA Zayd Shaukat



### N37 BUKIT LANJAN

PERIKATAN NASIONAL Muniraa Abu Bakar

HARAPAN Pei Ling



### N32 SERI SETIA

BEBAS Harindran a/l Krishan

MUDA Dobby Chew

HARAPAN Dr. Fahmi Ngah

PERIKATAN NASIONAL Mohd Zubir Embong



## TIDAK PASTI JANGAN KONGSI





**N38 PAYA JARAS**



Dato' Dr Halim Tamuri



Khairuddin Othman



Sifu Linda

**N39 KOTA DAMANSARA**



Izuan Kasim



Radzlan Jalaludin



Sivarajan

**N40 KOTA ANGERIK**



Sukri Omar



Najwan Halimi



Azad Akbar

**N41 BATU TIGA**



Cheda Razak



Danial Al-Rashid



Rina Harun

**N42 MERU**



Hasnizam Adham



Sivaranjani



Mariam Abdul Rashid



**N43 SEMENTA**



Afrishah Azizi



Ustaz Najhan Salleh

**N44 SELAT KLANG**



Datuk Abdul Rashid bin Asari



Datuk Hj Mohd Roslee bin Abd Hamid



Datuk Ezam Mohd Nor

**N45 BANDAR BARU KLANG**



Dr. Quah



Tan Seng Huat

**N46 PELABUHAN KLANG**



Wan Hasrina Wan Hassan



Syed Ahmad Putra



Azmizam Zaman Huri



**PILIHAN ANDA  
PILIHAN TERBAIK**





### N47 PANDAMARAN

HARAPAN

Tony Leong Tuck Chee



PERIKATAN NASIONAL

B. Gunalan



Tan Kang Yap

### N48 SENTOSA

HARAPAN

Gunaraj G



PERIKATAN NASIONAL

Parameswaran a/l Ganason

MUDA

Teacher Tanusha



Jeichandran a/l Wadivelu

### N49 SUNGAI KANDIS

HARAPAN

Ustaz Zawawi Mughni



PERIKATAN NASIONAL

Wan Dzahanurin Ahmad

MUDA

Afriena Shaqira

### N50 KOTA KEMUNING

HARAPAN

Preakas Sampunathan



PERIKATAN NASIONAL

Jimmy Chew Jyh Gang



Cikgu Sekar

### N51 SIJANGKANG

PERIKATAN NASIONAL

Dr Ahmad Yunus



Al-Hafizi

### N52 BANTING

BEBAS

Ang Wei Yang

PERIKATAN NASIONAL

Saravanan a/l Mutto Krishnan

HARAPAN

Papparaidu Veraman



### N53 MORIB

PERIKATAN NASIONAL

Rosnizan bin Ahmad

HARAPAN

Hj Hasnul Baharuddin



### N54 TANJONG SEPAT

PERIKATAN NASIONAL

Sabirin Marsono

HARAPAN

Borhan bin Aman Shah



### N55 DENGKIL



Prof Darren Ong



Noorazli bin Said



Mohd Daud Leong

PERIKATAN NASIONAL

Datuk Seri Jamil Salleh



### N56 SUNGAI PELEK

PERIKATAN NASIONAL

Dato Suhaimi Ghazali

HARAPAN

Lwi Kian Keong

BEBAS

Nageswaran Ravi



# Ekonomi mengukuh

Tulisan ini dan pada muka surat 18 mengulas pencapaian Selangor. Kejayaan negeri akan disiarkan dalam edisi-edisi berikutnya. Butiran lengkap Laporan Pencapaian dan Prestasi Kerajaan Negeri Selangor 2018-2023 boleh didapati di laman [amirudinshari.com](http://amirudinshari.com)

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**

**EKONOMI** Selangor kekal berkembang maju sejak 2018. Selangor meneruskan penguasaan dengan menjadi penyumbang terbesar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Rizab negeri juga merekodkan angka terbesar sejak 2008. Pada masa yang sama, jumlah hutang juga menurun ketara dalam era pentadbiran Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berbanding menteri besar sebelum beliau.

Bagi meningkatkan kecemerlangan, Rancangan Selangor Pertama (RS-1) diperkenalkan untuk membawa negeri ke tahap lebih baik. Pencapaian penting ekonomi negeri yang membanggakan rakyat Selangor ialah:

- sumbangan Selangor kepada KDNK Malaysia meningkat kepada 25.5 peratus
- rizab negeri meningkat kepada RM3.7 bilion pada 2022
- pertambahan RM1 bilion dalam empat tahun

## SUMBANGAN SELANGOR KEPADA KDNK MALAYSIA, 2008 - 2022



(sejak 2018)

- hasil negeri RM2.533 bilion pada 2022, melebihi sasaran RM2.05 bilion
- pendapatan penengah RM9,983 pada 2022, melebihi paras nasional RM6,338
- pertumbuhan pendapatan 6.5 peratus setahun bagi tempoh 2019 hingga 2022
- kadar pengangguran 2.9 peratus pada 2022, lebih rendah daripada paras nasional 3.6

peratus

- perkenal RS-1, rancangan pembangunan lima tahun sehingga 2025
- sasar pelaburan dilulus RM25 bilion hingga 35 bilion setahun
- sasar pertumbuhan KDNK tahunan 6.5 hingga 7 peratus setahun
- sasar jumlah guna tenaga 3.5 hingga 3.8 juta individu

# Memberdaya kaum Hawa



**GOLONGAN** wanita Selangor terus diberi keutamaan dalam pelbagai bidang. Sejumlah peruntukan disediakan bagi memajukan wanita.

Kerajaan Negeri menumpukan program dan manfaat untuk wanita Selangor termasuk ibu tunggal melalui kesihatan, kekeluargaan serta

keusahawanan. Sebahagian manfaat negeri yang mengangkat wanita ialah:

### KESIHATAN

- Skim Pemeriksaan Mammogram Percuma

Selangor (MammoSEL)

- tawar pemeriksaan barah payudara percuma untuk wanita 50 tahun ke atas
- sehingga 2017, seramai 30,465 wanita terlibat

### KEUSAHAWANAN

- Yayasan Hijrah Selangor (HIJRAH) melahirkan 34,379 usahawan wanita
  - libat pembiayaan lebih RM442 juta sepanjang sembilan tahun sehingga Mac 2023
- Inisiatif Halal Suri bantu wanita niaga makanan sejuk beku dengan kerjasama Koperasi Warga Hijrah Selangor

### KEKELUARGAAN

- Iltizam Anak Selangor menabung RM100 setahun (selama lima tahun) dalam Sijil Simpanan Premium Nasional
  - manfaat 30,000 bayi lahir mulai 2022
- Skim Bantuan Tadika Selangor bantu yuran tadika RM50 sebulan
  - manfaat untuk anak keluarga B40 lima dan enam tahun
- Skim Bantuan Asuhan Anakku Pintar bantu yuran taska RM100 sebulan
  - manfaat untuk anak keluarga B40 dari empat tahun ke bawah
- perkenal kursus pengasuhan dan penjagaan kanak-kanak di rumah
  - manfaat untuk 352 wanita





# Meringan beban rakyat

Oleh NADIAH ZAMLUS & ALANG BENDAHARA

**KENAIKAN** harga barangan menekan hidup rakyat, khususnya golongan kurang mampu atau B40. Menyedari kesusahan golongan rentan ini, Kerajaan Negeri segera melaksana program jualan murah untuk membantu rakyat.

Mulai 2022, Selangor melancarkan program Jelajah Ehsan Rakyat (JER). Program itu dikendalikan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

Kerajaan persekutuan juga melaksana program hampir sama iaitu Jualan Rahmah Bergerak (JRB) yang dilancar pada 17 Jun.

**Sebahagian manfaat program JER yang membantu rakyat:**

- ◆ sasar kumpulan B40 di 56 Dewan Undangan Negeri Selangor
- ◆ dijalankan di 15 lokasi di sembilan daerah setiap hari kecuali Jumaat
- ◆ barangan asas dijual ayam, daging pejal segar, telur gred B sepapan, ikan kembung, minyak masak lima kilogram, beras lima kilogram, minyak masak paket dan daging kiub
- ◆ trak jualan JER bergerak ke 711 lokasi di seluruh negeri sepanjang tiga bulan pertama
- ◆ kira-kira dua juta orang dapat barangan dapur yang murah dengan subsidi sebanyak RM4.8 juta
- ◆ peruntukan ditingkatkan kepada RM12 juta dan sasaran penerima manfaat dilebarkan ke 1,200 lokasi.
- ◆ penduduk meraih manfaat dianggarkan 4.4 juta orang
- ◆ sehingga 12 Mac, bantuan kepada golongan rentan sebanyak RM3.13 juta

**Manfaat penting program JRB pula ialah:**

- ◆ diskaun sehingga 30 peratus barangan mentah dan harian
- ◆ dilaksana 78 lokasi di seluruh negara
- ◆ sehingga Julai 2023, hasil jualan lebih RM1.2 juta dan memanfaatkan lebih 100,000 pengunjung



# Aplikasi mudahkan urus sampah

**SELANGOR** mempunyai tujuh juta penduduk. Justeru, jumlah sampah sememangnya tinggi berbanding negeri lain.

Menyedarinya, Kerajaan Negeri menyediakan aplikasi khas bagi memudahkan rakyatnya membuang sampah.

iClean Selangor dibangunkan KDEB Waste Management (KDEBWM), anak syarikat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab menguruskan sisa pepejal.

Perkhidmatan meliputi kutipan sampah domestik, kutipan sampah pukal dan pembersihan awam.



## Cara daftar iClean Selangor

1. Muat turun dari Apple Store atau Google Store
2. Klik pada ikon 'pengguna baru'
3. Masukkan nama, nama profil dan nombor kad pengenalan, kemudian tekan 'seterusnya'
4. Masukkan pula alamat, nombor telefon, alamat e-mel, dan pilih pihak berkuasa tempatan anda dan tekan 'seterusnya'
5. Setelah selesai mengisi maklumat yang diperlukan, anda akan diberi ID pengguna

Pengarah Urusannya Dato' Ramli Mohd Tahir menegaskan selain iClean, kutipan dibuat mengikut jadual setiap hari.

Antara kejayaan pembersihan sampah di Selangor ialah:

- iClean menang anugerah Aplikasi Perkhidmatan Awam Terbaik sempena majlis Anugerah PC.Com edisi ke-23 pada 22 Jun
- aplikasi iClean digunakan lebih 100,000 pengguna berdaftar aktif sehingga Mei
- bagi Januari sehingga Mei 2023, berjaya selesai

hampir 15,000 aduan

- tahun lepas, 36,800 kes diselesaikan iaitu satu peningkatan berbanding 30,949 kes pada 2021
- tindakan dalam tempoh 24 jam, bukti kecekapan pengurusan sisa pepejal dan sampah di Selangor.
- KDEBWM terlibat bersihkan di 110 kawasan terjejas pascabah pada Disember 2021.
- setakat 5 Januari 2022, lebih 77,000 tan sisa banjir dikutip memulihkan kawasan terkesan
- Kerajaan Negeri salur RM12.9 juta kepada KDEBWM untuk pembersihan pascabanjir



**MESRA...** Calon Pakatan Harapan kerusi Taman Templer Anfaal Saari mengedar risalah kepada pengunjung restoran di Kampung Batu 16 Rawang, Gombak pada 30 Julai. Foto YUSNI ARIFFIN

Tiga penyandang yakin menang

# Kerja keras tangani masalah penduduk

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI, FHATIAH ZAKINAN & NAS NORZIELA NASBAH**

**SHAH ALAM** - Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) yakin dapat mempertahankan kerusi Sungai Kandis pada pilihan raya negeri (PRN) pada 12 Ogos.

Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, beliau mampu meraih sokongan pengundi jauh lebih besar berdasarkan persiapan jentera HARAPAN yang turut dibantu Barisan Nasional (BN).

"Kita lihat ini satu sejarah di mana HARAPAN dan Umno bergabung tenaga mendapat sokongan terbesar. Mo-

hon restu semua," kata calon nombor satu dalam kertas undi.

Keyakinan sama turut dikongsi calon HARAPAN kerusi Tanjung Sepat Borhan Aman Shah yang bekerja keras menyelesaikan isu penduduk sepanjang penggal lalu untuk dinilai pengundi.

"Saya harap semua pengundi bertenang dan buat keputusan terbaik untuk memilih.

"Nasihat saya pilihlah calon yang boleh menyambung legasi pentadbiran negeri pada hari mengundi 12 Ogos," katanya yang berdepan calon

Perikatan Nasional Sabirin Marsono.

Sementara itu, penyandang kerusi Pelabuhan Klang Azmizam Zaman Huri percaya pengundi bijak menilai prestasinya sejak menjadi wakil rakyat di situ pada 2018.



"Sepanjang satu penggal di sini, saya tidak pernah kenal erti penat dan lelah berkhidmat untuk masyarakat. Ramai yang berpuas hati dan saya yakin telah membuat yang terbaik," katanya.

## Kekal kejayaan, atasi kemiskinan

**PETALING JAYA** - Calon kerusi Paya Jaras yakin mempertahankan kemenangan kawasan itu dalam pilihan raya negeri berdasarkan rekod cemerlang Pakatan Harapan (HARAPAN) memerintah Selangor.

Mohd Khairudin Othman yang juga penyandang berkata pelbagai inisiatif dilaksana kepada rakyat merangkumi pendidikan, sukan dan kesihatan.

"Daripada segi persiapan, kita sudah bergerak sebulan lalu mendekati masyarakat. Saya yakin Selangor dapat

dikekalkan dengan pemerintahan kerajaan sedia ada termasuk di Paya Jaras.

"Diharap penyokong terus memberi sokongan supaya dapat kekalkan pembangunan yang dibawa di Selangor," katanya yang menghadapi perlawanan tiga penjuru.

Sementara itu, calon HARAPAN kerusi Bukit Melawati Thibaan Subbramaniam, 35, mahu mengatasi kemiskinan selain meningkatkan pendapatan rakyat dan mempromosi kawasan itu sebagai

pusat pelancongan.

"Kuala Selangor juga ada banyak kampung tradisi, dan saya berhasrat wujudkan ekosistem pendapatan rakyat menerusi program inap desa," katanya sambil menambah akan meneruskan prestasi baik bekas wakil rakyat, Juwairiya Zulkifli yang melaksanakan pelbagai usaha membangunkan Bukit Melawati.

Kerusi Bukit Melawati disaingi calon Perikatan Nasional Noorazley Yahya.

## Sedia hadapi saingan tiga penjuru

**SHAH ALAM** - Calon Pakatan Harapan kerusi Meru Mariam Abdul Rashid tidak gentar berdepan saingan tiga penjuru dan yakin berpeluang memenangi kawasan itu dengan kerja keras jentera parti.

"Jika kerjasama jentera perpaduan disusun kemas, DUN Meru akan kita tawan. Ini adat pertandingan dan amalan demokrasi dalam negara yang membenarkan mana-mana parti bertanding," katanya.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada para penyokong dan pendukung Kerajaan Perpaduan yang hadir memberi sokongan kepadanya dalam penamaan calon pada 29 Julai.

Selain Mariam, dua lagi calon turut merebut kerusi itu iaitu M Sivarajani mewakili Parti Sosialis Malaysia (PSM) dan Hasnizam Adham dari Perikatan Nasional.

## Pertaruh pencapaian lima tahun

**HULU LANGAT** - Penyandang Sungai Ramal yakin mampu mempertahankan kerusi itu sekali lagi dalam pilihan raya negeri (PRN) pada 12 Ogos.

Mazwan Johar yang mewakili Pakatan Harapan (HARAPAN) mempertaruh rekod pencapaiannya dalam penggal lalu menyelesaikan pelbagai isu setempat.

"Kempen saya berasaskan fakta, bukan sentimen. Jadi saya persilakan kepada pengundi lihatlah Facebook saya, rekod kerja saya dari 2018 sampai hari ini ada di sana.

"Bandingkan dengan rekod pesaing saya Mohd Shafie Ngah (calon Perikatan Nasional) kerana dia juga pernah jadi wakil rakyat (Bangi) dari 2013 hingga 2018," katanya yang akan menghadapi saingan dua penjuru.

## Tumpu bantu keluarga susah

**SHAH ALAM** - Calon Barisan Nasional (BN) kerusi Sungai Burong Mohamad Khir Ramli, 53, mahu mengatasi kemiskinan tegar dalam kalangan penduduk jika menang pilihan raya negeri (PRN).

Beliau juga berhasrat untuk merencanakan lagi sektor pelancongan desa sekali gus membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

"Jika saya dipilih rakyat, segala kerja yang telah dilakukan wakil rakyat terdahulu akan saya teruskan dalam membela nasib rakyat."

Mohamad Khir yang juga antara muka baharu percaya kelebihan sebagai anak jati mampu memikat hati pengundi sekali gus mengekalkan penguasaan BN di Dewan Undangan Negeri berkenaan.

"Saya lihat sektor pertanian boleh direncanakan dengan elemen pelancongan di mana boleh memberi peluang pekerjaan kepada rakyat untuk menjana pendapatan," katanya pada 26 Julai.



## Keluarga terharu Azmizam ziarah

**KLANG** - Suami kepada seorang pesakit barah usus tahap empat terharu apabila kediamannya dikunjungi calon kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Pelabuhan Klang, Azmizam Zaman Huri.

Lebih bermakna, Airul Nizam Abd Rahman, 44, berkata Azmizam juga pernah menziarahi dan memberikan kerusi roda untuk kegunaan isterinya.

"Sebelum ini, beliau pernah datang untuk berikan kerusi roda kepada isteri saya Norainiwati Mat Akhir. Alhamdulillah dengan bantuan itu ia sedikit sebanyak dapat memudahkan pergerakan isteri.

"Saya berterima kasih dan terharu di atas kedatangan beliau (Azmizam) lagi pada hari ini meski tidak berpeluang melawat isteri saya kerana kebetulan dia (isteri) ditahan wad semalam," katanya di Taman Pendaras Indah di sini pada 29 Julai.

Mengulas lanjut mengenai kesihatan isterinya, Airul Nizam memohon doa orang ramai agar Norainiwati yang menderita penyakit itu sejak 2021 diberi kesembuhan.

## Jadikan Dengkil hab pelancongan

**SHAH ALAM** - Calon Barisan Nasional (BN) kerusi Dengkil ingin menjadikan kawasan tersebut hab pelancongan sebagai agenda utama jika diberi mandat dalam pilihan raya negeri (PRN) pada 12 Ogos.

Noorazli Said, 45, berkata perkara ini secara tidak langsung akan mencipta peluang pekerjaan kepada penduduk setempat terutama golongan anak muda.

"Dengkil mempunyai beberapa kawasan menarik untuk dijadikan kawasan pelancongan selain faktor berdekatan dengan kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Putrajaya.

"Kita mempunyai potensi dan rugi jika tidak menggunakan peluang ini sebaik mungkin demi kesejahteraan penduduk setempat," katanya pada 28 Julai.

# Rekod cemerlang hasil kestabilan

**SHAH ALAM** - Pengerusi Parti Amanah Negara Selangor Ir Izham Hashim yakin dapat mempertahankan kerusi Pandan Indah dalam pilihan raya negeri (PRN) pada 12 Ogos.

Beliau yakin rakyat terus memberi mandat selepas melihat pelbagai rekod cemerlang Kerajaan Negeri sepanjang pentadbiran pimpinan Pakatan Harapan (HARAPAN) khususnya program kebajikan.

"Rakyat boleh nampak rekod pencapaian sepanjang bawah HARAPAN. Mungkin ada lagi belum selesai sepenuhnya tetapi keseluruhannya, kita lakukannya dengan baik," katanya pada 27 Julai.

Ir Izham turut berazam memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada segenap lapisan penduduk di kawasan berkenaan dengan kerjasama Barisan Nasional (BN).

"Saya yakin akan lebih banyak kebaikan dapat dilaksana kepada rakyat. Kebaikan bersatu padu ini demi memastikan negeri dan negara stabil dengan fokus kepada perkhidmatan," katanya.

## Dekati pengundi muda

# Jentera ampuh bawa kemenangan

Oleh **NADIAH ZAMLUS & NAJAMUD-DIN MOHD NOR**

**SHAH ALAM** - Calon Barisan Nasional (BN) kerusi Gombak Setia berharap golongan muda tidak menisai-siakan undi mereka dengan memilih calon gabungan Pakatan Harapan (HARAPAN) dan BN.



Datuk Megat Zulkarnain Omar-din yang juga pengerusi Badan Per-

hubungan BN Selangor yang membesar di Gombak Setia berharap berpeluang untuk berkhidmat di tempat kelahirannya.

Beliau berdepan saingan tiga penjurong menentang penyandang kerusi Muhammad Hilman Idham dari Perikatan Nasional (PN) dan calon Bebas Mohamed Salim Mohamed Ali.



Sementara itu, calon HARAPAN kerusi Permatang Mohd Yahya Mat Sahri menggunakan slogan 'Pak Ya Ready'

bagi mempertahankan kawasan yang dimenangi isterinya Rozana Zainal Abidin sejak 2018.

Beliau menjelaskan ungkapan yang akan digunakannya sepanjang berkempen PRN itu menunjukkan kesediaannya berkhidmat kepada rakyat pada bila-bila masa jika dipilih pada 12 Ogos.

"Slogan ini menunjukkan saya 'ready' atau bersedia berkhidmat untuk rakyat di DUN Permatang bagi tempoh lima tahun. Saya akan bekerja untuk rakyat. Pak Ya Ready!" katanya yang disaingi Nurul Syazwani Noh dari PN.

## Guna pengalaman di Bukit Melawati

**GOMBAK** - Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) tidak gentar berdepan bekas Menteri Besar Selangor dalam saingan dua penjurong di kerusi Hulu Kelang.



Sebaliknya, Juwairiya Zulkifli menegaskan akan memikul amanah itu sebaik mungkin untuk menewaskan Dato' Seri Mohamed Azmin Ali yang bertan-

ding atas tiket Perikatan Nasional (PN). "Saya tidak gentar sebab dia (Azmin) bukan orang asing. Bekas bos saya juga. Tidak perlu saya gentar kerana ini amanah rakyat," katanya selepas penamaan calon di sini.

Beliau turut menjadikan pencapaian lima tahun sebagai wakil rakyat Bukit Melawati dalam penggal lalu sebagai taruhan dalam kempennya

menawan hati pengundi Hulu Kelang. "Saya percaya perkhidmatan selama lima tahun (di Bukit Melawati) mampu merebut kerusi baharu. Memang ada risiko tetapi saya tidak akan kecewakan penduduk Hulu Kelang," katanya.

Pada pilihan raya umum ke-14, DUN Hulu Kelang dimenangi Saari Sungib mewakili HARAPAN dengan majoriti 15,349 undi menewaskan dua lagi calon lain.

## IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL

SERTA LEBIH 1 JUTA KOMUNITI DIGITAL MEDIA SELANGOR

MediaSelangor

Selangor Journal

Selangor TV

Selangor TV

Media\_Selangor

mediaselangor

t.me/MediaSelangor

@Selangortv

Media Selangor Sdn Bhd

Layari portal berita **selangorkini.my** hari ini untuk kemaskini berita khusus untuk warga Selangor



**PRIHATIN...** Calon Barisan Nasional kerusi Sungai Air Tawar Datuk Rizam Ismail menziarahi penduduk di Simpang 3 Kampung Baru, Sabak Bernam pada 29 Julai. Foto Facebook Rizam Ismail

Selesai 600km sejak 2016

# RM719 juta ganti paip usang

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR & DIANA ABD WAHAB**

**SHAH ALAM** - Lebih 600 kilometer (km) paip usang di Selangor ditukar ketika pentadbiran Pakatan Harapan (HARAPAN), kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menjelaskan sebanyak RM719 juta dibelanjakan bagi menjayakan kerja penggantian secara berfasa sejak 2016 demi kesejahteraan rakyat.

"Semasa era pentadbiran HARAPAN, jumlah paip yang ditukar ada 615km, jumlah lebih besar berbanding pentadbiran sebelumnya yang hanya menukar 213km sahaja," katanya pada 27 Julai.

Beliau menjelaskan penggantian paip kritikal diberi keutamaan, namun tidak menafikan ia mengambil sedikit masa berikutan menelan kos yang tinggi.

"Ramai kata penggantian paip (ini) gantilah semuanya, tetapi ia ada skala ekonomi. Johor mula ganti paip pada 1998 dan hanya selesai pada 2019. Itu Johor, perlukan 20 tahun.

"Kita mula 2016 dan sekarang ini bersambung. (Panjang) kita hampir sama dengan Johor sekitar 26,000km. Jadi kalau nak kritik, penggantian paip zaman saya sebenarnya lebih besar," katanya.

Selain itu, Amirudin berkata pembinaan Loji Rawatan Air Sungai Rasau

adalah projek terbesar setakat ini bagi menampung keperluan pengguna.

Dalam pada itu, beliau menyifatkan cubaan pembangkang memanipulasi dan menggunakan isu air sebagai modal politik untuk berkempen adalah tindakan dangkal.

"Kalau nak cerita isu air, saya boleh ceritakan. Tetapi apabila (jadi isu politik) ditambah dengan orang cuba manipulasikan, akhirnya (penerangan itu) tidak akan sampai kepada sasaran," katanya.

Sebelum ini Amirudin menjelaskan Selangor mempunyai 30,000km paip, dengan 6,000km kritikal perlu diganti segera, namun dibuat secara berfasa berikutan membabitkan kos tinggi.

## Pengundi yakin kebolehan calon

**GOMBAK** - Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) bagi kerusi Hulu Kelang diyakini mampu memberi khidmat terbaik jika menang pilihan raya negeri (PRN).

Pesara Othman Che Man, 69, percaya dengan kebolehan Juwairiya Zulkifli berdasarkan prestasi cemerlangnya sewaktu berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri (ADN) Bukit Melawati.

"Kita tengok sebelum ini di DUN Bukit Melawati rekod beliau bagus. Walaupun

bukan calon asal ketika itu, tetapi beliau mampu laksanakan tugas dengan baik.

"Saya harap pengundi terutama atas pagar akan beri (sokongan) pada beliau," katanya ditemui dalam program Jualan Ehsan Rahmah (JER) di Kampung Kemensah pada 27 Julai.

Seorang lagi suri rumah Noorshidah Ismail, 54, pula mahu jalan di kampung tersebut ditambah baik dan dilebar berikutan kesesakan luar biasa terutama

pada hujung minggu.

"Setiap kali hujung minggu pasti sesak dengan orang luar yang berkunjung ke Taman Rekreasi Kemensah dan Zoo Negara, justeru jalan jadi sempit dengan kenderaan keluar masuk," katanya.

Juwairiya berdepan Pengerusi Perikatan Nasional Selangor Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dalam PRN Selangor pada 12 Ogos.

## Tambah baik infrastruktur

**SHAH ALAM** - Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) kerusi Sementa berazam untuk memperjuangkan isu pembangunan prasarana jika menang pilihan raya negeri (PRN).

Erny Afrishah Azizi, 25, menjelaskan isu jalan dan parit yang gagal ditangani wakil rakyat terdahulu dari Parti Bangsa Malaysia wajar diberi perhatian demi kesejahteraan penduduk.

"Sebelum ini, isu berkaitan tidak diendahkan wakil rakyat, jadi saya mahu perjuangkan. Sejak diamanah sebagai penyelarasan DUN, saya dapat selesaikan di 12 kampung," katanya pada 26 Julai.

Anak jati Sementa itu juga berhasrat memenuhi keperluan belia dan mendingar kehendak mereka meskipun mengakui bukan mudah memenangi hati golongan berkenaan.

Erny Afrishah berpendapat pilihan raya kali ini peluang terbaik untuk HARAPAN merampas semula kerusi terbabit selepas wakil rakyat sebelumnya keluar parti.

## RM467,000 perkasa pendidikan

**SUBANG JAYA** - Yayasan Selangor memperuntuk RM467,000 bagi menjayakan program pemeraksanaan pendidikan tahun ini mulai sekolah rendah hingga institusi pengajian tinggi.

Dato' Menteri Besar berkata RM247,000 diagih kepada 93 sekolah bawah program rancangan khas, pelajar berpotensi tinggi, kolej tingkatan enam dan sumbangan komputer riba buat 77 pelajar.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, baki RM220,000 pula disalurkan bagi pengecualian penuh bayaran balik pinjaman 10 pelajar cemerlang tajaan Yayasan Selangor.

"Peruntukan ini untuk program pemberdayaan dan pemeraksanaan institusi terlibat demi lonjakan taraf pendidikan yang bersifat menyeluruh merangkumi segenap aspek," katanya pada 27 Julai.

## Perluas bantuan khas anak istimewa

**SHAH ALAM** - Inisiatif pendidikan kepada anak istimewa yang disediakan akan diperluas kepada pelajar sekolah rendah, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau berhasrat menjalinkan kerjasama dengan pihak sekolah harian supaya dapat menghulur bantuan demi menjamin masa depan anak kurang upaya.

"Insya-Allah kalau diberi mandat akan datang (pilihan raya negeri), kita boleh bekerjasama dengan sekolah. Sekarang kita bantu prasekolah sahaja menerusi Bantuan Didik Anis.

"Selepas ini, cita-cita kita nak masuk sekolah harian supaya pelajar istimewa dapat dibantu. Kerajaan Negeri sedia membiayai dan bangunkan guru-guru yang mengajar," katanya pada 27 Julai.



## Waspada sindiket Rumah Selangorku

**SUBANG JAYA** - Orang ramai dinasihatkan tidak terpedaya dengan sindiket penipuan ejen hartanah yang menyalah guna jata Selangor dan logo Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

EXCO Perumahan Rodziah Ismail mendedahkan LPHS mengesan salah guna tersebut dalam beberapa iklan penjualan rumah di media sosial.

"Iklan itu menggunakan identiti projek rumah sebagai Rumah Selangorku secara palsu. Lebih menyedihkan ada ejen terlibat kenakan bayaran tempahan unit di antara RM200 sehingga RM1,000.

"Hasil semakan LPHS dengan pemaju, terdapat sebahagian ejen tidak dilantik sebagai wakil jualan kepada unit projek tersebut," katanya pada 27 Julai.

Orang ramai diminta membuat semakan mengenai kesahihan kewujudan projek yang dijayakan Kerajaan Negeri melalui sistem pendaftaran Rumah Selangorku menerusi pautan [ehartanah.lphs.gov.my](http://ehartanah.lphs.gov.my)

"LPHS tidak teragak-agak membuat laporan polis terhadap mana-mana pihak yang didapati mengiklankan projek perumahan dengan menyalahgunakan jata negeri dan logo agensi itu tanpa kebenaran serta identiti Rumah Selangorku secara palsu."

# Calon azam tangani isu jalan sesak

**GOMBAK** - Menangani isu kesesakan lalu lintas antara tumpuan calon Pakatan Harapan (HARAPAN) kerusi Taman Templer jika diberi mandat sebagai wakil rakyat di situ.

Anfaal Saari berkata gangguan trafik lapan kilometer dari Caltex Selayang Pandang sehingga ke Rawang Bypass berlaku antara jam 6.30 hingga 9.30 pagi dan 3.30 petang hingga 7 malam pada hari bekerja.

"Kebanyakan penduduk tinggal di sini namun bekerja di Kuala Lumpur.

Kita lihat isu ini mengganggu dari segi kesejahteraan hidup.

"Mereka perlu bangun awal pagi, malah mengalami tekanan berikutan terpaksa menempuh kesesakan pergi dan pulang kerja," katanya ketika ditemui di Kampung Melayu Batu 16 Tambahan Rawang di sini pada 30 Julai.

Beliau berazam meneruskan usaha yang dimulakan Ahli Parlimen Selayang William Leong dan bekas wakil rakyat Mohd Sany Hamzan bagi

menyelesaikan masalah yang menghantui penduduk sekian lama.

Anfaal yang juga anak kepada penyandang Ahli Dewan Negeri Saari Sungib antara enam muka baharu dari Parti Amanah Negara (Amanah) yang ditampilkan dalam pilihan raya negeri kali ini.

Beliau berdepan saingan tiga penjurู melibatkan calon Perikatan Nasional Zaidy Abdul Talib dan Aida Rahman daripada Parti Ikatan Demokratik Malaysia (Muda).

## Negeri sedia RM25 juta

# Kompleks Islam seni bina Melayu

Oleh **SHAMZ JOHAN**

**GOMBAK** - Kompleks Islam Gombak Permai bercirikan seni bina Melayu yang akan dibina di Kampung Wira

Damai mampu menampung sehingga 3,000 jemaah.

Ketua pegawai eksekutif permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) berkata empat komponen utama kompleks adalah masjid Wira Damai, sekolah, kuarters kakitangan dan taman rekreasi.

"Ruang solat dibina dengan kapasiti sehingga 500 jemaah dan jika ditambah ruang solat di luar (beranda), keseluruhan boleh memuatkan sehingga 2,500 jemaah manakala sekolah rendah agama akan dibina dengan kapasiti 1,000 pelajar," kata Raja Ahmad Shahrir Iskandar Raja Salim.

Beliau ditemui dalam majlis taklimat pembangunan kompleks berkenaan yang turut dihadiri Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 23 Julai.

Terdahulu, Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan pembinaan kompleks Islam bernilai RM25 juta itu akan disegerakan dan mengam-

bil masa sekurang-kurangnya tiga tahun sebelum boleh digunakan penduduk.

Mengulas lanjut, Raja Ahmad Shahrir berkata selain mempunyai tasik dan kolam, kawasan kompleks tersebut turut dilengkapi tempat rehat, trek jogging selain akses keluar masuk antara taman dengan masjid.

"Demi keselesaan pengunjung serta mengelakkan kesesakan terutama ketika solat Jumaat, kira-kira 500 unit parkir termasuk di tingkat bawah tanah masjid akan disediakan," katanya.

Menurutnya, pembinaan masjid mengambil inspirasi daripada Masjid Kampung Laut di Kelantan dan Masjid Agung Demak di Jawa Tengah dengan menggunakan reka bentuk atap tumpang bagi menggantikan kubah.

"Kita mahu mempamerkan ciri seni bina Melayu dan kompleks ini akan menjadi ikon setempat," katanya lagi.

# Tawar 60,000 rumah

**SUBANG JAYA** - Sebanyak 53,514 unit Rumah Selangorku ditawarkan kepada orang awam melalui Sistem Penawaran Hartanah Negeri Selangor secara dalam talian setakat ini.

EXCO Perumahan Rodziah Ismail memaklumkan 34,288 unit selesai diserahkan kepada pembeli manakala baki sedang dalam pembinaan dan dijangka siap menjelang 2025.

Beliau menjelaskan projek tersebut bagi memenuhi komitmen pentadbiran negeri membangunkan 60,000 unit rumah mampu milik selaras Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

"Setiap unit yang disiapkan ber-

makna satu keluarga di Selangor kini memiliki kediaman mereka sendiri dan tidak perlu lagi menyewa rumah di pasaran bebas," katanya pada 27 Julai.

Rodziah menambah sebanyak 227,784 unit rumah melibatkan 407 projek diluluskan untuk rakyat berpendapatan rendah dan sederhana sejak 2014.

"Saya percaya dengan kemasukan unit ini ke pasaran, ia melegakan golongan yang memerlukan terutama berpendapatan rendah (B40) dan menengah (M40) menjelang 2025," katanya lagi.



**SMARTSEL SDN BHD (1222445-V)**

### KENYATAAN TENDER

SMARTSEL Sdn Bhd adalah merupakan sebuah anak syarikat Koridor Utiliti Selangor Sdn Bhd (KUSEL) ingin menjemput pemohon yang berkelayakan untuk menyertai tender di bawah:

Tajuk Tender	Kelayakan /Keterangan
<p><b>SSB/RFP/001-2023</b>  <b>5G TOWER PRIVATE FINANCE INITIATIVE (PFI)</b>                      Propose Design &amp; Build Services for Supply, Construct and Erection Of 5G Telecommunication Infrastructure, and Other Associated Works for Smartsel Sdn Bhd With Private Finance Initiative (PFI)</p> <p>Cadangan Rekaan &amp; Perkhidmatan Pembinaan bagi Membekal, Membina dan Membangun Infrastruktur Telekomunikasi 5G dan Kerja-Kerja Berkaitan untuk Smartsel Sdn Bhd melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Syarikat boleh menyertai tender ini sebagai <i>main partnership</i> (rakan kongsi) atau ahli konsortium (consortium members)</li> <li>2. Berdaftar dibawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia ("SSM"), Kementerian Kewangan ("MOF"), dan Lembaga Pembangunan Industri Pembiayaan Malaysia ("CIDB")</li> <li>3. Modal berbayar syarikat adalah sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia: Satu Ratus Ribu</li> <li>4. Mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman dalam bidang kerja berkaitan</li> </ol>
<p><b>SSB/RFP/002-2023</b>  <b>5G TOWER INFRASTRUCTURE</b>                      Propose Design &amp; Build Services for Supply, Construct and Erection Of 5G Telecommunication Infrastructure, and Other Associated Works for Smartsel Sdn Bhd</p> <p>Cadangan Rekaan &amp; Perkhidmatan Pembinaan bagi Membekal, Membina dan Membangun Infrastruktur Telekomunikasi 5G dan Kerja-Kerja Berkaitan untuk Smartsel Sdn Bhd</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berdaftar dibawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia ("SSM"), Kementerian Kewangan ("MOF"), dan Lembaga Pembangunan Industri Pembiayaan Malaysia ("CIDB")</li> <li>2. Mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman dalam bidang kerja berkaitan</li> </ol>

1. Pemohon dikehendaki menyatakan minat mereka melalui e-mel kepada [procurement@smartsel.co](mailto:procurement@smartsel.co).
2. Pembelian dokumen RFP (RM 100.00 bagi kedua-dua tender) dibuka bermula dari 1 Ogos 2023 jam 9.30 pagi hingga tarikh tutup tender iaitu pada 15 Ogos 2023 (Selasa), jam 3.00 petang (waktu Smartsel).
3. Bayaran tersebut hendaklah dibuat secara pindahan dana atas talian kepada bank **Smartsel Sdn Bhd** seperti dibawah:

Bank	:	CIMB Bank
No Akaun	:	80-0908768-0
Rujukan Penerima	:	RFP5G

4. Pemohon dikehendaki membawa cop syarikat semasa pembelian dokumen tender.
5. Resit pembayaran hendaklah dikemukakan kepada **Smartsel Sdn Bhd** semasa pengambilan dokumen tender di alamat tertera seperti dibawah.
6. Dokumen yang telah lengkap hendaklah dihantar ke pejabat **Smartsel Sdn Bhd c/o Koridor Utiliti Selangor Sdn Bhd (KUSEL), Unit Perolehan & Governans**, Tingkat 19, Wisma Ehsan, Persiaran Dato' Menteri, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.
7. Dokumen tender yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan akan ditolak.
8. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh diajukan melalui email kepada [procurement@smartsel.co](mailto:procurement@smartsel.co)



## Hormat petugas urus sisa pepejal

**HULU LANGAT** - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menghargai peranan pekerja pengurusan sisa pepejal dalam memastikan negeri ini kekal bersih dan selamat.

Beliau juga menyelar pihak tidak bertanggungjawab menghina mereka dengan mempertikai kesungguhan kakitangan KDEB Waste Management (KDEBWM) semata-mata mahu memburukkan Kerajaan Negeri.

"Kebetulan ada pihak mempertikai

tugas mereka dengan hasrat mahu burukkan Kerajaan Negeri. Inilah yang akan merosakkan hubungan antara pentadbiran dengan kakitangan awam.

"Ini tanda penghargaan saya atas cubaan pihak yang cuba menghina pekerjaan mereka," katanya selepas makan tengah hari bersama kira-kira 70 petugas pembersihan di Kajang pada 27 Julai.

Turut hadir Pengarah Urusan KDEBWM Dato' Ramli Mohd Tahir dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang

(MPKj) Najmuddin Jemain.

Baru-baru ini, pemilik akaun Twitter memuat naik video mengenai lambakan sampah di Kampung Jawa Batu 18, Hulu Langat yang didakwa tidak diurus dengan baik.

Kakitangan KDEBWM Julian Nordin kemudian memuat naik video penjelasan tatacara operasi piawai (SOP) kutipan sampah agensi itu di kampung berkenaan dan menerima pelbagai reaksi masyarakat.

### Pembinaan taman industri Kota Puteri

# Cipta 5,000 peluang kerja baharu

Oleh **DIANA ABD WAHAB**

**GOMBAK** - Projek taman perindustrian hijau (GRIP) yang dibangunkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Kota Puteri di sini dijangka mencipta sehingga 5,000 peluang pekerjaan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata projek seluas 150.8 hektar juga mengekal status negeri sebagai penyumbang utama Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Menyifatkan projek berkenaan turut

menarik pelaburan, beliau berkata nilai kasar pembangunan berkonsep taman perindustrian berpusat dan berpagar itu bernilai kira-kira RM2 bilion.

"PKNS ada rangkaian dan ekosistem lengkap dengan menyediakan perumahan serta infrastruktur dalam perbandaran perindustrian ini," katanya selepas melancarkan projek itu pada 25 Julai.

Amirudin berkata PKNS bersama Invest Selangor Sdn Bhd meneroka untuk membangunkan taman berkenaan sebagai hab penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pemasangan dron.

"Ini sebahagian daripada perancangan PKNS yang cuba menarik dan mengambil kesempatan daripada perkembangan industri ini yang sangat pesat," katanya lagi.

Projek tersebut sebahagian inisiatif dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) melibatkan lebih 200 kilang bakal dibina untuk menjalankan aktiviti perindustrian mesra alam sekitar.

GRIP, yang dibangunkan dalam tiga fasa akan dimulakan pada suku keempat tahun ini atas tanah seluas 50 hektar. Projek itu dijangka siap sepenuhnya menjelang 2027.

## RM88,400 bantu pusat pengislaman

**SHAH ALAM** - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menyerahkan sumbangan RM88,400 kepada 25 Pusat Pengurusan Pengislaman (PPP) dalam majlis penghargaan baru-baru ini.

Bantuan menggunakan peruntukan Lembaga Zakat Selangor (LZS) itu bagi meringankan beban kewangan PPP Mais dan galakan kerana berjaya menguruskan proses pengislaman tahun lalu.

"Sumbangan ini juga sebagai peng-

hargaan kepada PPP Mais dalam membantu gerak kerja pengurusan pengislaman di Selangor amnya," menurut agensi berkenaan menerusi Facebook.

Sumbangan disampaikan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Muallaf Mais Prof Madya Dato' Dr Mohd Farid Ravi Abdullah.

Penerima antaranya Masjid Al-Falah USJ 9 (Subang Jaya), Masjid Al-Azim (Pandan Indah), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Selangor dan

Hidayah Centre Foundation (HCF).

Sementara itu, Dr Mohd Farid Ravi merakam penghargaan kepada PPP Mais yang membantu menguruskan proses pengislaman dengan lancar serta mengikut prosedur ditetapkan.

"PPP Mais bukan sekadar menguruskan proses pengislaman muallaf, malah memainkan peranan membantu Mais dan LZS dalam penjagaan, perlindungan serta pengajaran kepada mereka," katanya.

## Stesen telemetri pantau kualiti air

**SHAH ALAM** - Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) membangunkan stesen telemetri hidrologi bagi memantau kuantiti dan kualiti air di lembangan sungai di negeri ini.

Stesen berkenaan ditempatkan di kawasan 50 meter rizab sungai bagi merekod bacaan sebenar di lokasi secara berterusan.

Menurut LUAS, stesen tersebut juga berperanan sebagai sistem amaran awal di hulu muka sungai yang berisiko seperti

di Sungai Selangor dan Sungai Semenyih.

"Pembangunan stesen telemetri memberi kemudahan jaringan komunikasi bagi penghantaran data dari stesen telemetri ke peranti penyimpanan pemantauan LUAS.

"Tambahkan juga, stesen telemetri berperanan sebagai sistem amaran awal di hulu muka sungai yang berisiko di Sungai Selangor dan Sungai Semenyih," kata kenyataan pada 25 Julai.

LUAS menambah pihaknya sering

melakukan pemantauan bagi memastikan teknologi yang dipasang itu beroperasi sepenuhnya.

Beberapa prosedur termasuk ujian juga dilakukan bagi menyemak setiap komponen mengikut kriteria prestasi dan memenuhi spesifikasi ditetapkan.

"Pemantauan berkala dan rondaan terus dilaksanakan bersama agensi berkaitan melalui platform Ops Sumber Air Negeri Selangor bagi memastikan sumber air di kawasan tadahan terpelihara," katanya.

## Siswa asnaf terima sijil simpanan

**SUBANG JAYA** - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI memperuntuk RM325,000 bagi sumbangan Sijil Simpanan Premium (SSP) Bank Simpanan Nasional (BSN) kepada mahasiswa asnaf.

Sumbangan bernilai RM500 setiap sijil diserahkan kepada 650 mahasiswa asnaf melibatkan enam institut pengajian tinggi di Selangor.

Bantuan melibatkan 36 penerima dari Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC) dengan peruntukan RM18,000; Universiti Selangor (Unisel) dengan 111 penerima (RM55,500) dan Universiti Islam Selangor (UIS) dengan 118 penerima (RM59,000).

Selain itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan 125 penerima (RM62,500) dan masing-masing 130 penerima di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan RM65,000 setiap satu.

## RM500,000 naik taraf tebing sungai

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri berbelanja RM500,000 untuk kerja menaik taraf tebing sungai dekat Kampung Desa Aman, di sini.

EXCO Kerajaan Tempatan Ng Sze Han berkata kerja yang dijangka siap akhir tahun ini menyelesaikan masalah hakisan tebing yang membimbangkan penduduk terutama ketika hujan lebat.

"Kampung Desa Aman salah satu kampung terlibat yang akan dinaik taraf tebing sungai, melibatkan kos RM500,000.

"Kerja-kerja dimulakan sebaik Jabatan Pengairan Selangor melantik kontraktor dan ia dijangka siap akhir tahun ini," katanya selepas meninjau tebing sungai berkenaan pada 27 Julai.


## 'Ayam tebuk' tiada pengesahan halal

**SHAH ALAM** - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) mengesahkan bahawa 'ayam tebuk' yang tular di media sosial dan dijual di sebuah pasar raya di Bukit Changgang, Banting dekat sini tidak mempunyai sijil halal sah.

Pengarahnya Dato' Mohd Shahzihan Ahmad berkata pengesahan itu diperoleh selepas pemeriksaan bersama Majlis Perbandaran Kuala Langat pada 28 Julai.

Beliau berkata premis itu melakukan penyalahgunaan logo Halal Malaysia kerana mempamerkannya tanpa memiliki Sijil Pengesahan Halal dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, lapor Bernama.

"Siasatan dan tindakan lanjut dibuat mengikut Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya manakala hukuman bagi suatu pertubuhan perbadanan ialah denda tidak melebihi RM200,000," menurutnya dalam kenyataan.



Cerpen, puisi & esei  
**HADIAH SASTERA  
SELANGOR  
2023**  
terbit setiap Sabtu dan Ahad  
di portal [selangorkini.my](http://selangorkini.my)



## Ribuan hadir Darul Ehsan Berselawat

**SHAH ALAM** - Ribuan umat Islam menghadiri majlis Darul Ehsan Berselawat 2.0 di Stadium Tertutup Malawati Shah Alam pada 29 Julai.

Program itu turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim serta Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Program melibatkan bacaan selawat dan zikir munajat selain Gema Hafiah al-Quran, qasidah, mahalul qiyam serta tausiyah serta pertandingan hafazan dan seni khat.

Acara itu menampilkan ulama dan pendakwah terkenal dalam dan luar negara seperti Sheikh Abu Zaki, Sheikh Ashraf Hamed Hassanin, Sheikh Abdullah Jahaf, Ustaz Neezam Al-Banjari serta Babul Mustofa.

Sebelum ini, program sama yang diadakan julung kali pada 14 Januari lalu bertemakan 'Bernafas Dalam Hawqalah - Fakir Ila Allah' mendapat sambutan menggalakkan.

## Lebih 40,000 rumah mampu milik

# Bina paling banyak banding negeri lain

Oleh **SHEEDA FATHIL**

**SHAH ALAM** - Lebih 40,000 unit rumah mampu milik dibina di Selangor dalam tempoh lima tahun, paling banyak direkodkan berbanding negeri lain.

Dato' Menteri Besar berkata usaha membantu rakyat memiliki kediaman selesa akan diteruskan sekiranya Kerajaan Perpaduan diberi mandat lagi pada pilihan raya negeri (PRN) 12 Ogos ini.

"Menurut Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan (Akmal Nasrullah Mohd Nasir), Selangor membina paling banyak rumah mampu milik dalam lima tahun.

"Alhamdulillah, pengiktirafan ini menunjukkan Kerajaan Negeri Perpaduan benar-benar mendengar isi hati rakyat serta melaksanakannya.

"Insyallah, dengan harapan bahawa mandat akan diteruskan pada PRN akan datang, Kerajaan Perpaduan kekal

komited untuk mengangkat kebajikan rakyat melalui kerja keras dan kebijaksanaan berbanding pihak lain yang gemar menyuntik kebencian dan permusuhan," kata Dato' Seri Amirudin Shari di Facebook pada 26 Julai.

Sebelum ini, Akmal Nasrullah memuji Kerajaan Selangor yang menggunakan kaedah sendiri untuk membina kediaman untuk rakyat iaitu Rumah Selangorku tanpa bantuan kerajaan persekutuan.

## Pilihan raya negeri Selangor **PILIHAN ANDA PILIHAN TERBAIK**



demi kemajuan ekonomi  
demi perpaduan rakyat  
demi kesejahteraan bersama

Semakan Daftar Pemilih di  
[mysprsemak.spr.gov.my](http://mysprsemak.spr.gov.my)

